





Mutiara • buletin



PERCUMA

1 – 15 JUN 2015



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlinguaneng>

www.buletinmutiara.com

RMK-11, permohonan P. Pinang tidak dilayan - KM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Mei lepas langsung tidak membawa manfaat kepada rakyat Malaysia di negeri ini, sungguhpun Kerajaan Negeri sebelum ini telahpun membentangkan permohonan projek-projek pembangunan negeri pada masa depan yang keseluruhannya bernilai hampir RM21 bilion.

Sambil mengecam layanan dingin Putrajaya, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri tetap akan meneruskan rancangan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) serta beberapa projek lain di negeri ini, walaupun

mengaku akan melalui saat yang sukar dalam tempoh lima tahun mendatang.

"Tentu kita (Kerajaan Negeri) meminta (peruntukan melalui RMK-11) untuk menangani kesesakan lalulintas dengan membina MRT (transit laju massa), LRT (transit aliran ringan) serta melebarkan jalan dan memperbesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (di Bayan Lepas) yang saya rasa akan mencecah kapasiti (maksimum) pada akhir tahun ini.

"Tetapi, semua permintaan ini langsung tidak dilayan dan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) tidak diberikan apa-apa pun (projek pembangunan) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, dan sekali lagi Pulau Pinang dilupakan, ini mengulangi lagi peristiwa rakyat Malaysia di Pulau Pinang dipinggirkan seperti dalam Bajet 2015.

"Kerajaan Negeri akan tetap meneruskan

program-program pembangunan dan program-program kebajikan untuk rakyat Malaysia di Pulau Pinang sungguhpun sukar, seperti melaksanakan PIP demi menjamin pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengatasi masalah kesesakan trafik.

"Tiada apa-apa (projek pembangunan) untuk Pulau Pinang dan itu sesuatu yang kita (Kerajaan Negeri) kecam kerana Kerajaan Barisan Nasional (Pusat) bermain politik sehingga mengabaikan kepentingan nasional di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap ADUN Air Putih kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan berasingan, Guan Eng turut memberi respons pada laporan berita akhbar berbahasa Cina mengenai sumbangan kutipan cukai mengikut negeri

yang diserahkan kepada Kerajaan Pusat untuk pembangunan nasional di seluruh negara.

Laporan tersebut mendedahkan bahawa Pulau Pinang merupakan penyumbang cukai ketiga tertinggi, iaitu sebanyak RM6,302 juta di belakang Johor (RM8,575 juta) dan Kuala Lumpur (RM109,612 juta).

"Walaupun kita sebagai penyumbang cukai ketiga tertinggi di Malaysia, tetapi langsung tiada apa-apa (projek pembangunan melalui RMK-11) untuk rakyat Malaysia di Pulau Pinang.

"Ini (menggambarkan) rakyat Malaysia di Pulau Pinang sekali lagi dianaktirikan oleh Kerajaan Pusat walaupun mereka masing-masing membayar pelbagai cukai atas semangat dan kepentingan nasional," tegas Guan Eng pada sidang media berasingan di sini baru-baru ini.

P. Pinang No. 2 pelaburan suku pertama 2015

GEORGE TOWN – Pulau Pinang terus menjadi pilihan pelabur tempatan dan asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.9 bilion bagi suku pertama tahun 2015.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, daripada jumlah pelaburan RM2.9 bilion, sejumlah RM2.5 bilion melibatkan pelaburan luar negara manakala baki RM0.4 bilion merupakan pelaburan domestik.

"Jumlah ini melibatkan pelaksanaan 39 buah projek yang telah diluluskan MIDA (Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia) untuk Pulau Pinang.

"Statistik tersebut sekaligus meletakkan Pulau Pinang pada tangga kedua dalam pelaburan suku

pertama tahun ini iaitu bermula Januari hingga Mac, selepas Johor," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, tahun lalu, Pulau Pinang berada di tangga ketiga selepas Sarawak dan Johor dengan nilai pelaburan berjumlah RM8.2 bilion.

"Jumlah tersebut (pada tahun 2014) menunjukkan peningkatan 110

peratus nilai pelaburan berbanding tahun sebelumnya iaitu RM3.9 bilion (2013), di mana

PROJEK DILULUSKAN MIDA DI MALAYSIA 2014

Bil.	Negeri	Bil. Projek	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Pelaburan Modal Dicalonkan (RM)	%	Purata Pelaburan Setiap Projek (RM)
1	Johor	179	13,309,976,692	7,866,401,201	21,176,377,893	29.5	118,303,787
2	Sarawak	18	1,237,795,650	8,402,231,729	9,640,027,379	13.4	535,557,077
3	Pulau Pinang	169	3,048,778,075	5,113,594,291	8,162,372,366	11.4	48,298,061
4	Selangor	229	3,836,871,787	3,205,388,198	7,042,259,985	9.8	30,752,227
5	Kedah	50	768,319,917	4,516,895,351	5,285,215,268	7.4	105,704,305
6	Pahang	18	280,146,117	4,920,260,640	5,200,406,757	7.2	288,911,486
7	Melaka	28	2,688,241,941	1,831,352,539	4,519,594,480	6.3	161,414,089
8	Negeri Sembilan	41	983,884,728	2,111,023,795	3,094,908,523	4.3	75,485,573
9	Sabah	23	2,369,935,463	547,765,521	2,917,700,984	4.1	126,856,564
10	Perak	26	1,320,561,497	387,411,648	1,707,973,145	2.4	65,912,274
11	Terengganu	13	892,179,945	675,845,427	1,568,025,372	2.2	120,617,336
12	Kelantan	7	1,242,776,376	0	1,242,776,376	1.7	177,539,482
13	Perlis	2	212,908,237	0	212,908,237	0.3	106,454,119
14	Kuala Lumpur	6	34,503,764	14,541,114	49,044,878	0.1	8,174,146
15	Labuan	2	33,081,891	0	33,081,891	-	16,540,946
JUMLAH			811	32,259,962,083	39,592,711,453	11.4	100
P.Pinang/Malaysia (%)			20.8	9.4	12.9	11.4	-

PROJEK DILULUSKAN MIDA DI MALAYSIA JAN - MAC 2015

Bil.	Negeri	Bil. Projek	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Pelaburan Modal Dicalonkan (RM)	%	Purata Pelaburan Setiap Projek (RM)
1	Johor	39	25,275,221,220	641,634,704	25,916,855,924	76.9	664,534,761
2	Pulau Pinang	39	381,302,814	2,517,854,682	2,899,157,496	8.6	74,337,371
3	Selangor	62	797,219,228	1,153,291,168	1,950,510,396	5.8	31,459,845
4	Kedah	19	154,262,619	811,508,875	965,771,494	2.9	50,830,078
5	Melaka	5	70,320,788	533,182,252	603,503,040	1.8	120,700,608
6	Sarawak	3	549,675,800	6,556,200	556,232,000	1.7	185,410,666
7	Pahang	2	173,921,200	208,861,800	382,783,000	1.1	191,391,500
8	Perak	6	171,545,573	20,088,455	191,634,028	0.6	31,939,004
9	Negeri Sembilan	9	116,713,091	18,411,479	135,124,570	0.4	15,013,841
10	Sabah	3	54,227,246	5,000,000	59,227,246	0.2	19,742,415
11	Terengganu	1	2,296,382	-	2,296,382	-	2,296,382
112	Kuala Lumpur	1	1,511,271	-	1,511,271	-	1,511,271
13	Labuan	-	-	-	-	-	-
14	Kelantan	-	-	-	-	-	-
15	Perlis	-	-	-	-	-	-
JUMLAH			189	27,748,217,232	5,916,389,615	8.6	100
P.Pinang/Malaysia (%)			20.6	1.4	42.5	8.6	-

Singapura mendominasi jumlah pelaburan sehingga 60.6 peratus dari keseluruhan nilai pelaburan.

"Manakala tahun ini (sehingga Mac), Amerika Syarikat dilihat mendominasi jumlah pelaburan

dengan nilai RM2.1 bilion atau 81.6 peratus bagi tempoh Januari hingga Mac 2015," jelas beliau.

KN iktiraf pelajar cemerlang, harap kembali berbakti

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN - Saban tahun, Kerajaan Negeri bukan sahaja memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar cemerlang, tetapi juga sentiasa menyediakan peluang saksama untuk semua bagi memastikan semua orang merealisasikan potensi masing-masing.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2014 di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Berlandaskan itu, katanya, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif khas menubuhkan *Penang Future Foundation* (PFF) iaitu program biasiswa ditawarkan kepada pelajar cemerlang yang layak dan berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di universiti tempatan.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) juga menyediakan pelbagai peluang dalam pelbagai bidang demi merealisasikan impian Pulau Pinang ke arah sebuah negeri yang lestari, pintar dan bertaraf antarabangsa.

"Inilah buktinya Kerajaan Negeri sayang sama rakyat," ujar beliau sambil menyeru supaya golongan muda terutamanya pelajar cemerlang supaya kembali berbakti di Pulau Pinang.

Pada majlis berkaitan, seramai 36 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang A+ bagi semua mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2014 diraikan. Mereka adalah sebahagian daripada 402 pelajar lain yang memperoleh keputusan cemerlang, kombinasi A+, A dan A-.

Semua pelajar cemerlang terbabit menerima sijil pengiktirafan, trofi dan saguhati berupakan wang tunai.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy selaku Exco Pendidikan.

Terdahulu, majlis serupa turut diadakan bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang 56 pelajar-pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2014.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Chong Eng (Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga



WAHI Azalie Shabuddin.

& Komuniti), Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam), Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang), Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan wakil dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

Bagi penerima Anugerah Pelajar Cemerlang SPM, **Izyan Athirah Mazalani** dan **Wahi Azalie Shabuddin**, masing-masing 18, dari Sekolah Menengah (SM) Sains Tun Syed Sheh Shahabuddin, mereka tidak menyangka akan memperoleh A+ dalam semua mata pelajaran.

"Disiplin dan kerap berbincang dengan rakan sebaya dan guru-guru menjadi resipi kejayaan kami di samping perlu tahu konsep belajar secara bijak.

"InshaAllah, kami berdua memang berhasrat untuk menceburi bidang perubatan dan kembali berbakti di Pulau Pinang suatu hari kelak," kata Wahi Azalie yang kini menuntut di Kolej Mara Kulim.

Penerima Anugerah Pelajar Cemerlang (Kategori Khas) SPM, **Muhammad Faisal Ahmad Fadzil**, 18, beliau berhasrat menjadi akauntan bertauliah suatu hari kelak.

"Syukur sangat, walaupun hanya memperoleh 5A, saya tetap bertekad untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perbankan dan menjadi akauntan bertauliah suatu hari nanti.

"Orang macam saya ni kenal kuat semangat dan jangan jadikan kecacatan itu sebagai penghalang untuk tidak berjaya dan menjadi insan berguna," katanya yang mengalami masalah penglihatan sejak lahir kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Perasaan sama turut dikongsi oleh dua sahabat baik yang cacat



(Dari kiri), MOHD. Rashid Hasnon, Chew Sui Teng, Crystal Neoh Xin Er, Ketua Menteri, Muhammad Faisal Ahmad Fadzil dan Wong Hon Wai bergambar kenangan selepas Majlis Anugerah Pelajar SPM 2014 di sini baru-baru ini.



ZARIF Zahirah Mohd. Elias (dua dari kiri) dan **Muhamad Azri Ahmad** (dua dari kanan) ditemani sepupu, **Liyana Zainol Abidin** (kiri sekali) dan ibu saudara, **Faridah Hussain** (kanan sekali).



SITI Fatimah Azaharah Abdul Hamid ditemani ibunya.

penglihatan, **Crystal Neoh Xin Er** dan **Chew Sui Teng**, masing-masing 18.

"Guru dan dorongan ibu bapa menjadi pegangan untuk terus

berjaya," kata Xin Er yang memperoleh 7A+, 1A dan 1A- dalam peperiksaan SPM baru-baru ini.

Dalam pada itu, bagi penerima Anugerah Pelajar Terbaik STPM (Kategori Melayu), **Siti Fatimah Azaharah Abdul Hamid** dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Penang Free melahirkan rasa syukur dan berhasrat untuk pulang ke Pulau Pinang setelah tamat pengajian kelak.

"Saya berhasrat melanjutkan pelajaran dalam bidang perundangan di Universiti Malaya dan akan balik berbakti di Pulau Pinang seperti seruan Y.A.B. Ketua Menteri supaya pulang ke Pulau Pinang menabur bakti," katanya yang hadir bersama ibunya, Bu Rejab, 62.

Dua sahabat baik yang turut menerima Anugerah Pelajar Cemerlang STPM dari SMK Seri Balik Pulau, **Zarif Zahirah Mohd. Elias** dan **Muhamad Azri Ahmad**, masing-masing 19, turut melahirkan hasrat untuk kembali berbakti ke Pulau Pinang.

"Teruja, syukur sangat dan rasa cukup bermotivasi dengan kata-kata Y.A.B. Ketua Menteri tadi, inshaAllah, kami akan kembali ke Pulau Pinang nanti," kata Muhamad Azri yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang pendidikan sambil dipersetujui oleh Zarif Zahirah yang berhasrat menjadi peguam suatu hari kelak.

Pada majlis sama, tiga sekolah turut diumumkan sebagai Sekolah Terbaik SPM 2014 iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin, Bukit Mertajam, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas dan SMJK Perempuan Cina.

Ceroboh DUN, KN rayu hukuman lebih berat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri merayu kepada Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap 16 individu yang terlibat dalam insiden pencerobohan Dewan Undangan Negeri (DUN) tahun lepas.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri telah menulis surat rayuan kepada Peguam Negara pada 12 Mei 2015.

Beliau menyifatkan denda antara RM1,000 dan RM1,500 yang dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret Pulau Pinang ke atas 16 tertuduh sebagai terlalu ringan dan tidak setimpal dengan perlakuan mereka.

"Kesalahan mereka



KEKECOHAN insiden pencerobohan DUN Pulau Pinang pada 21 Mei 2014 lalu.

(menceroboh masuk ketika sesi sidang DUN) amat serius, tetapi hukuman mereka terlalu ringan, tidak mencukupi dan tidak setimpal.

"Kita telah memfailkan rayuan menuntut hukuman yang lebih berat memandangkan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh 16 tertuduh yang telah menghina

institusi DUN Pulau Pinang," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, pihak pendakwaan telah gagal mengemukakan kenyataan impak (*impact statement*) sebelum Mahkamah Majistret George Town menjatuhkan hukuman.

"Mahkamah perlu mengambil

kira kesan emosi mangsa kesalahan yang juga merupakan pengadu iaitu Setiausaha DUN, M. Maheswari dan maruah Speaker, Dato' Law Choo Kiang apabila tertuduh menyerbu masuk dan mengganggu sidang DUN.

"Memandangkan kesalahan yang dilakukan serius, Kerajaan Negeri melalui surat tersebut

telah memohon agar kenyataan impak dapat dikemukakan di prosiding rayuan di hadapan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang," jelas beliau.

Pada 21 Mei tahun lalu, kira-kira jam 1.30 petang, sekumpulan lelaki didakwa telah menceroboh DUN dengan niat hendak mengusarkan Setiausaha DUN.



Ganding bahu musnah denggi - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BATU MAUNG - Seluruh masyarakat perlu berganding bahu dan memainkan peranan aktif dalam usaha-usaha mencegah denggi, seru Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada Majlis Gotong-Royong Penang Sihat di Taman Seri Indah Batu Maung di sini baru-baru ini.

Serentak itu, Afif turut menggesa supaya masyarakat menangkis tanggapan bahawa usaha pencegahan ia adalah hanya terletak pada Jabatan Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata.

"Sekurang-kurangnya, selaku individu, usaha memeriksa persekitaran kediaman selama 10 minit seminggu sekali adalah perlu untuk menghapuskan tempat pembiakan aedes.

"Selain itu, program COMBI (*Communication for Behavioural Impact*) perlu ditubuhkan dan bergerak aktif di lokaliti-lokaliti bermasalah," ujarnya.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Dalam pada itu, Tze Tzin memohon supaya Kerajaan Negeri dapat membawa usul penguatkuasaan lebih ketat kepada



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) bersama-sama jempunan khas menyembur replika nyamuk aedes sebagai gimik pelancaran Majlis Gotong-Royong Penang Sihat di Taman Seri Indah Batu Maung di sini baru-baru ini.

pembuang sampah di kawasan awam.

Katanya, undang-undang sedia ada dilihat belum cukup untuk menangani tindakan sedemikian dan masyarakat masih ambil mudah mengenai bahaya denggi.

"Secara jujuranya, kita masih boleh lihat orang ramai sewenang-wenangnya membuang sampah seperti puntung rokok sesuka hati termasuk dari kenderaan.

"Oleh itu, penguatkuasaan yang lebih ketat adalah penting dalam mendidik mentaliti masyarakat berhubung perkara berkaitan," tegas beliau.

Sementara itu, dalam kenyataan bertarikh 26 Mei lalu, Afif



PARA kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjalankan kerja-kerja pembersihan.

menyatakan bahawa pada minggu ke-20 (17 hingga 23 Mei 2015), sebanyak 136 kes denggi telah dilaporkan iaitu jumlah yang sama

bagi minggu sebelumnya.

"Secara kumulatif, sehingga 20 Mei 2015, sebanyak 2102 kes denggi dilaporkan berbanding 704

Langkah pencegahan penularan penyakit denggi:-

- i) Melakukan pemeriksaan dalam rumah dan kawasan sekitar masing-masing bagi mengenalpasti dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes setiap minggu. Ubat pembunuh jentik-jentik nyamuk boleh diperoleh dari klinik-klinik kesihatan kerajaan.
- ii) Menjalankan gotong-royong di kawasan perumahan bagi menghapuskan tempat-tempat berpotensi pembiakan Aedes.
- iii) Memberikan kerjasama dengan membenarkan anggota kesihatan menjalankan semburan kabus di dalam rumah.
- iv) Mengurangkan risiko gigitan nyamuk dengan menggunakan repellan atau baju/seluar panjang semasa menjalankan aktiviti luar, melakukan semburan aerosol di dalam rumah atau memasang skrin pada tingkap.
- v) Mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital apabila mengalami demam dan tanda-tanda penyakit denggi seperti sakit badan/sendi, muntah, ruam dan kurang selera makan.

kes bagi tempoh yang sama tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 1,398 kes (198.6 peratus).

"Sebanyak enam kematian akibat demam denggi dilaporkan sehingga kini berbanding tiga kematian demam denggi bagi tempoh yang sama tahun lepas," jelas beliau.

Nur Aliah Olahragawati Harapan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMMAD**

SEBERANG JAYA - Ratu Skuasy Negara, Dato' Nicol Ann David sekali lagi dipilih menjulang Anugerah Perdana TYT Pulau Pinang, sekaligus mengulangi rekod cemerlangnya selama tujuh musim sejak tahun 2004.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri menyerahkan anugerah tersebut kepada semua 11 penerima terpilih pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2014 yang dilangsungkan di sini baru-baru ini.

Nicol yang baru menamatkan saingan separuh akhir Terbuka British di Hull, England pada 16 Mei lalu, diwakili oleh ayahnya, Desmond David.

Manakala, penerjun negara, Ooi Tze Liang, 22, pula muncul sebagai olahragawan baru negeri berdasarkan kejayaannya mencipta sejarah baru negara dengan membawa pulang pingat emas pertama dalam acara terjun kategori lelaki pada saingan Sukan Komanwel Glasgow, tahun lalu.

Tze Liang turut diwakili oleh ayahnya, Ooi Hong Cherg, 57, disebabkan beliau sedang menjalani latihan persediaan di China sempena kejohanan Sukan SEA nanti.

Nicol dan Tze Liang masing-masing menerima piala pusingan, piala iringan, sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah RM3,000.

Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan 2014 dirangkul oleh dua atlet muda daripada sukan karate, Ooi San Hong, 15, dan skuasy, Nur Aliah Izzati Muhammad Anis, 15.

Mereka berdua turut membawa pulang piala iringan, sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah RM3,000.

Skuad Karate Do (Kata) muncul pasukan lelaki terbaik selepas menampilkan aksi membanggakan dengan meraih emas dalam kejohanan *Asian Karate - Do Federation* (SEAKF) yang ketiga di Vietnam tahun lepas.

Sementara pasukan skuasy yang dibarisi Nicol, Loo Wee Wern dan Vanessa Raj menjadi pasukan wanita terbaik menerusi pencapaian mereka dalam menggondol emas semasa Sukan Asia Incheon di Korea Selatan yang lepas.

Pemenang anugerah berkenaan membawa pulang piala pusingan, piala iringan, sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah RM2,500.

Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan 2015 pula diberikan kepada Mejar (B) Wan Abdul Hamid Wan Mahmood atas kewibawaannya dalam memajukan arena sukan tinju di peringkat negara dan negeri.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga, Masyarakat, Chong Eng dalam ucapannya merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima anugerah.

"Diharapkan penghargaan, anugerah dan ganjaran yang diterima oleh semua atlet dapat membakar lagi semangat semua pihak agar lebih tekun memburu kejuaraan untuk tahun depan pula," jelas Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Dato' Frederick Tan Teck An (Pegawai Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, MSNPP) turut hadir pada majlis tersebut.



CHONG Eng (kiri sekali) menyampaikan anugerah kepada **David Chua** (kanan sekali) (sukan karate) pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

Senarai 11 penerima Anugerah Sukan Negeri 2014 :

- Anugerah Perdana TYT 2014 **Dato' Nicol Ann David (Skuasy)**
 - Anugerah Olahragawan 2014 **Ooi Tze Liang (Terjun Air)**
 - Anugerah Olahragawati 2014 **Dato' Nicol Ann David (Skuasy)**
 - Anugerah Olahragawan Harapan 2014 **Ooi San Hong (Karate)**
 - Anugerah Olahragawati Harapan 2014
- Nur Aliah Izzati Bin Muhammad Anis (Skuasy)**
 - Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik 2014 **Pasukan Karate (Kata)**
 - Anugerah Pasukan Wanita Terbaik 2014 **Pasukan Skuasy**
 - Anugerah Olahragawan Paralimpik 2014 **Muhamad Suhaili Abd. Hamid**
- (Tenpin Bowling)**
 - Anugerah Olahragawati Paralimpik 2014 **Rabiatul Adawiyah Mohamad Azhar**
 - Anugerah Jurulatih Terbaik 2014 **Ku Jim Keat (Karate)**
 - Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan 2015 **Mejar (B) Wan Abdul Hamid Wan Mahmood (Tinju)**

Exco jawab Menteri isu peruntukan Pusat selenggara jalan P. Pinang

GEORGE TOWN - Peruntukan tahunan Kerajaan Pusat sehingga 31 Mac lalu untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan di negeri ini direkodkan sebanyak RM23.61 juta, bukanlah RM27.37 juta sebagaimana disebut Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah Yusof pada 5 Mei lepas.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, daripada rekod pengurusan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Pulau Pinang (MARRIS), dalam tahun 2015 sehingga 31 Mac, jumlah pemberian diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri adalah sebanyak RM23.61 juta.

"Jumlah tersebut kemudian diagihkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran

Seberang Perai (MPSP) dan kelima-lima Pejabat Daerah untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan dengan perbelanjaan sebenar sehingga 31 Mac 2015 sejumlah RM15.77 juta bersamaan 66.79 peratus.

"Baki selebihnya adalah dalam tanggungan bagi projek kerja-kerja penyelenggaraan jalan yang sedang dalam pelaksanaan dan pembayaran akan hanya dibuat setelah projek disiapkan dan disahkan kesempurnaannya," katanya dalam kenyataan bertulisnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Justeru, Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal menyatakan bahawa kenyataan Fadillah mungkin hanya merujuk kepada JKR sahaja dan tidak menyeluruh kerana tidak dimasukkan butiran peruntukan-peruntukan



LIM Hock Seng.

disalurkan kepada agensi pelaksana lain seperti PBT, JPS dan pejabat-pejabat daerah.

Dalam pada itu, Hock Seng turut memberi penjelasan pada kenyataan Fadillah yang mendakwa Jabatan Audit Negara pada tahun lepas menegur Kerajaan Negeri Pulau Pinang kononnya hanya membelanjakan RM52.69 juta daripada keseluruhan RM63.47 juta peruntukan Kerajaan Persekutuan

PERINCIAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KUMPULANWANG AMANAH PENYELENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI PULAU PINANG [MARRIS] TAHUN 2014

AGENSI PELAKSANA	AGIHAN PERUNTUKAN (RM)	% AGIHAN PERUNTUKAN	BELANJA (RM)	% BELANJA
JKR	63,665,706.26	56.70	52,762,645.46	82.87
MBPP	22,713,000.00	20.23	22,713,000.00	100.00
MPSP	19,330,000.00	17.22	19,330,000.00	100.00
JPS	5,000,000.00	4.45	4,563,006.46	91.26
PEJABAT DAERAH	1,575,500.00	1.40	1,207,194.01	76.62
JUMLAH	112,284,206.26	100.00	100,575,845.93	89.57

JADUAL perincian peruntukan dan perbelanjaan Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang (MARRIS) Tahun 2014.

untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan negeri.

Daripada pembentangan Laporan Ketua Audit Negara, Hock Seng memberitahu bahawa peruntukan MARRIS atau Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri Pulau Pinang tahun 2014 kepada Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM94.62 juta, manakala sebanyak RM100.57 juta bersamaan 106.3

peratus telahpun dibelanjakan.

"Daripada laporan Ketua Audit Negara tersebut juga, dan *exit conference* pada 28 April 2015 telah memuji keupayaan agensi-agensi Negeri dalam melaksanakan projek-projek penyelenggaraan jalan-jalan negeri, dan bukan seperti kenyataan membidas (oleh) Yang Berhormat Menteri Kerja Raya," respons Hock Seng.

P. Pinang tubuh badan bertindak bantu staf MAS hilang kerja

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri menubuhkan badan bertindak demi membantu kakitangan Penerbangan Malaysia (MAS) yang menerima surat pemberhentian kerja bagi mendapatkan pekerjaan baru di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, badan bertindak yang ditubuhkan di bawah *Career Assistance and Talent Centre* (Penang CAT) tersebut turut menawarkan khidmat nasihat guaman secara sukarela kepada mereka yang berhasrat untuk mendapatkan pembelaan sebagai pekerja di mahkamah.

"Ini, sama ada untuk memastikan hak mereka terus terjamin atau untuk mencari pekerjaan lain di negeri ini supaya mereka boleh terus menyara keluarga masing-masing.

"Tentulah pekerja-pekerja ini adalah yang terbaik, sebab itu diambil bekerja dengan MAS, dan tak perlulah saya sebut apa

masalah pengurusan (majikan).

"Kerajaan Negeri ingin melahirkan solidariti dan rasa simpati kepada mereka...dan ini adalah sumbangan Kerajaan Negeri untuk Malaysia," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri II merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Sumber Manusia dan Sains, Teknologi & Inovasi, Prof. Dr. P. Ramasamy dilantik sebagai pengerusi badan bertindak tersebut.

Ramasamy dalam sidang media berasingan mengumumkan 18 individu yang menganggotai Badan Bertindak Kerajaan Negeri Pulau Pinang Terhadap Kakitangan MAS Yang Diberhentikan Kerja.

Mereka, antaranya peguam merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Sumber Manusia Negeri Pulau Pinang, Datuk Ajit Singh Jessy, Khoo Boon Lim (Pengerusi Persatuan Pengusaha Hotel Pulau Pinang), Noor Azam Mohd. Nor (perunding sumber manusia bagi Pengerusi Syarikat Perusahaan Bebas, FREPENCA), Datuk Khoo Cheok Sin (Pengerusi Persekutuan Pengusaha-



PROF. Dr. P. Ramasamy (duduk, tengah) bergambar bersama-sama ahli-ahli yang menganggotai Badan Bertindak Kerajaan Negeri Pulau Pinang Terhadap Kakitangan MAS Yang Diberhentikan Kerja pada sidang media di sini baru-baru ini.

Pengusaha Industri Malaysia Pulau Pinang, FMM), "Encik Mazlan" (Pengurus Cawangan FMM Kedah), Low Sook Jen (Penolong Pengarah Jabatan Buruh), K. Veeriah (Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, MTUC), Eunice Cheng (Pengurus Penang CAT) dan Loo Lee Lian (Pengurus Besar investPenang) serta Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer, Soon Lip Chee (ADUN Jawi), Ong Chin Wen (ADUN Bukit Tengah), Yeoh Soon Hin (ADUN Paya Terubong), Ram Karpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor), Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) dan Suhaily Razlan (Pembantu Khas kepada Exco Kerajaan Negeri, Dr. Afif Bahardin) turut menganggotai jawatankuasa itu.

"Saya berharap mereka yang terabit boleh mendaftarkan diri dengan Penang CAT, kita (Kerajaan Negeri) pun memerlukan maklumat daripada

pekerja-pekerja terabit untuk melakukan carian pekerjaan yang sesuai, selain memberikan khidmat (nasihat) perundangan kepada mereka jika diminta," jelasnya.

Terdahulu, MAS menghantar surat penamatan perkhidmatan kepada 20,000 kakitangannya, sebagai langkah penstrukturan dan pemulihan semula syarikat penerbangan negara tersebut, kata Ketua Pegawai Eksekutif MAS baru, Christoph Mueller.

Daripada jumlah itu, katanya, 6,000 pekerja ditamatkan kontrak serta-merta, manakala, baki 14,000 ditawarkan pekerjaan dengan syarikat baharu, Malaysia Airlines Bhd. Group (MAS Bhd.).

Dilaporkan, Mueller mengaku bahawa unsur penyalahgunaan kuasa serta pembaziran wujud dalam MAS, sehingga memaksa beliau mengambil langkah drastik menstruktur semula syarikat tersebut.

Ekoran itu, Kesatuan Kebangsaan Anak-anak Kapal Kabin Malaysia (NUFAM) menggesa Jawatankuasa Kira-

Kira (PAC) memanggil lembaga pengarah MAS supaya menjawab tuduhan pembaziran yang didakwa Mueller.

Malah, Presiden NUFAM, Ismail Nasaruddin turut mendakwa pengurusan MAS bertindak kejam dengan memberhentikan anak kapal wanita yang sedang cuti bersalin, serta mereka yang daripada golongan orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal dan pasangan suami isteri yang bekerja dengan syarikat penerbangan tersebut.

Manakala, Kesatuan Pekerja-Pekerja MAS Semenanjung Malaysia (MASEU) yang lantang membela nasib bekerja juga turut disebut-sebut akan dibubarkan, selepas penstrukturan semula MAS dimuktamadkan.

Khazanah Nasional Berhad sebagai pemilik kepentingan MAS dalam reaksi spontan menjelaskan bahawa "pakej pemberhentian" membabitkan 6,000 kakitangan terabit berdasarkan formula yang sama seperti perjanjian bersama (CA) sedia ada mereka yang berkenaan.

Exco harap projek Fasa 2 RTB Sg. Pinang mula Ogos



JAGDEEP Singh Deo memerhatikan bahan-bahan pameran yang dipamerkan bersempena penganjuran Program Komuniti Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat di perkarangan Masjid Shaik Eusoff, Dhoby Ghaut di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

DATUK KERAMAT - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo berharap kerja-kerja mendalam dan melebarkan Sungai Pinang melalui fasa kedua Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang dapat dilaksanakan menjelang Ogos tahun ini.

Beliau berkata, pelaksanaan projek RTB itu sepatutnya dapat dimulakan memandangkan proses pemindahan dan penempatan semula 223 keluarga yang terjejas selesai Mei lalu.

"Saya berharap dalam masa dua bulan lagi (Ogos), kerja-kerja pelebaran dan pendalaman sungai dapat dilakukan dengan segera bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering menghantui penduduk di kawasan seperti Jalan P. Ramlee, Jalan Sungai Pinang, Jalan Kebun

Lama dan kawasan-kawasan berhampiran lain," katanya pada sidang akhbar sejurus selepas Program Komuniti Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat di Kampung Kebun Lama Kebun Lama di sini baru-baru ini.

Sejak 2008, seramai 223 penduduk terjejas akibat projek pelebaran dan pendalaman sungai dari Kampung Rawa ke jambatan Dhoby Ghaut.

Projek bertujuan mengatasi masalah banjir kilat itu terbahagi kepada empat fasa dengan anggaran kos RM450 juta.

Jagdeep dalam pada itu berharap projek berkaitan dapat dilaksanakan dengan cepat kerana ianya dimaklumkan adalah (projek RTB) yang kedua terpenting dalam negara dengan melibatkan kos sebanyak RM450 juta untuk keseluruhan empat fasa.

Terdahulu, Jagdeep turut menghadiri program yang serupa di perkarangan Masjid Shaik Eusoff, Dhoby Ghaut di sini.

Exco umum ops bersepadu Ramadan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bakal mengadakan operasi bersepadu mengempur individu-individu yang didapati melakukan kesalahan yang dilarang pada bulan Ramadan seperti maksiat dan makan di depan khalayak pada siang hari sepanjang bulan tersebut.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, operasi tersebut termasuk pemeriksaan terhadap pusat hiburan, rondaan berkala di lokasi berpotensi berlakunya maksiat dan pada masa sama mengedarkan 217 banting amaran penguatkuasaan

Ramadan kepada masjid-masjid seluruh negeri Pulau Pinang.

“Operasi akan bermula seawal 7 pagi dan bagi yang disabitkan dengan kesalahan makan dan minum di khalayak ramai, merokok, bersubhat dan seumpamanya, hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya akan dikenakan.

“Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, seseorang boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya,” jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Abdul Malik memohon kerjasama umum untuk menghubungi talian penguatkuasaan JHEAIPP, 019-425 6917 (bagi bahagian pulau) atau 013-441 9300 (bagi Seberang Perai) bagi sebarang maklumat atau aduan.



ABDUL Malik Abul Kassim dengan berlatarbelakangkan banting penguatkuasaan JHEAIPP menjelang bulan Ramadan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Program Pertanian Bandar perlu dilaksanakan secara proaktif - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

AIR ITAM – Warga Pulau Pinang digalakkan untuk menjadikan sektor pertanian bandar sebagai sebahagian dari sumber menjana pendapatan seterusnya membantu penduduk bandar, khususnya, mengurangkan kos sara hidup.

Seruan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika hadir merasmikan Program Pertanian Bandar di Kampung Bharu, Jalan Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Menurutnya, pertanian bandar merupakan salah satu inisiatif dalam memastikan rantaian pembekalan sumber makanan sentiasa mencukupi dan terjamin.

“Inisiatif Program Pertanian Bandar ini merupakan program yang membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan Jabatan Pertanian.

“Memandangkan Pulau Pinang mempunyai sumber tanah yang amat terbatas, saya mahu melihat pendekatan yang dijalankan ini diperluaskan lagi di semua kawasan perumahan supaya tahap pengeluaran dan produktiviti hasil tanaman mencapai tahap optimum serta bukannya bergantung kepada pembukaan tanah semata-mata,” katanya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang dan Lee Chun Kit serta

Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Ahmad Munir Yusoff.

Tambah Guan Eng, urbanisasi menjadi antara faktor penyumbang kepada peningkatan kos sara hidup.

“Dianggarkan kadar urbanisasi sekitar 2.4 peratus setahun dan hampir 72 peratus penduduk Malaysia tertumpu di 20 buah bandar utama dalam negara.

“Penduduk bandar kini terbeban dengan kadar harga makanan yang sentiasa meningkat dan dianggarkan sejumlah 50 peratus hingga 70 peratus pendapatan digunakan untuk perbelanjaan makanan,” jelasnya.

Dalam pada itu, menurut Afif, bagi memenuhi keperluan makanan negara, sektor pertanian tidak boleh lagi terlalu bergantung kepada sumber makanan import.

“Oleh itu, Program Pertanian Bandar ini perlu dilaksanakan secara proaktif bagi memastikan kecukupan dan keselamatan bekalan makanan negara.


“Pengintegrasian aktiviti pertanian dalam perancangan dan pembangunan bandar adalah penting untuk memastikan pembangunan yang mampan dan ini termasuklah proses penghijauan persekitaran, pengurusan air dan sisa buangan, pendidikan serta riadah.

“Saya berharap agar program ini dapat menyumbang kepada sektor agro-makanan sekaligus meningkatkan pendapatan bukan sahaja untuk isi rumah yang menjalankan program ini, malah juga buat negeri,” ujar beliau.

Dalam majlis sama, wakil-wakil Jabatan Pertanian Negeri turut memberi tunjuk ajar teknik-teknik penanaman yang boleh diamalkan serta mengedarkan beberapa kimpit tanah berbaja, anak pokok dan pasu kepada penduduk setempat.



PARA pengunjung meneliti tanaman-tanaman sayur yang dipamerkan pada Majlis Perasmian Program Pertanian Bandar di sini baru-baru ini.



Oleh : **Azmi Hussin**

RMK-11: Berapa unit rumah mampu milik untuk P. Pinang?

DATUK KERAMAT - Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 Mei lepas hanya menyebut sejumlah 653,000 rumah mampu milik akan dibina di tanah air ini dalam tempoh lima tahun, tetapi masih tidak menyebut rancangan pembinaan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Pulau Pinang.

Justeru, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menggesa sekali lagi Kerajaan Pusat supaya tidak terus menganaktirikan rakyat Malaysia di Pulau Pinang, sebagaimana perbentangan Bajet 2015 pada bulan Disember tahun lepas.

Katanya, Bajet 2015 memperuntukkan sejumlah RM1.8 bilion untuk membina 80,000 unit perumahan mampu milik di tanah air, namun, sehingga kini tiada pembangunan PR1MA di negeri ini.

Manakala, RMK-11 menyebut pembangunan PR1MA di empat bandar utama yang diklasifikasikan sebagai bandar-bandar berdaya saing, iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu.

“Berapakah daripada jumlah 80,000 dan 653,000 unit rumah mampu milik ini yang akan dibina di negeri Pulau Pinang,” ujarnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Jagdeep sekali lagi mendedahkan bahawa agensi Persekutuan sejak tahun 2012 langsung tidak pernah mengemukakan permohonan rasmi kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) sama ada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), untuk pembinaan PR1MA di negeri ini.

Tambah beliau, Pembangkang Pulau Pinang sepatutnya turut mempengaruhi Putrajaya agar menghentikan layanan dingin ke atas rakyat Malaysia di negeri ini.

Ini kerana, tegasnya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah pada sesi perbincangan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Yang Ke-13 baru-baru ini, antara lain mengakui bahawa beliau akan 'memujuk' Putrajaya untuk menunaikan janji membina PR1MA di negeri ini.

“Diharapkan bahawa warga Pulau Pinang

P. Pinang sokong langkah pulihara kawasan tadahan Ulu Muda

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Kira-kira 3.8 juta penduduk yang mendiami negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia akan mendapat manfaat jika kawasan tadahan sekitar Ulu Muda dipulihara oleh Kerajaan Negeri Kedah kelak.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya menyokong penuh langkah Kerajaan Negeri Kedah memohon pembiayaan daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan inisiatif tersebut.

“Langkah ini turut memberi manfaat kepada 3.8 juta orang di Kedah, termasuk Pulau Langkawi, dan juga Pulau Pinang dan selatan Perlis.

“Oleh itu, (Kerajaan Negeri) Pulau Pinang akan menyokong penuh permohonan (Kerajaan Negeri) Kedah untuk pembiayaan Persekutuan bagi melindungi kawasan tadahan sekitar Ulu Muda,” ujarnya yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, kontroversi Kerajaan Negeri Kedah menuntut Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya membayar caj bagi air mentah yang diambil daripada Sungai Muda dalam sempadan negeri ini menjadi isu utama dalam Mesyuarat Agung Tahunan PBAPP pada 28 Mei lalu.

Guan Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Kedah sepatutnya tidak membuat tuntutan sedemikian memandang Sungai Muda jelas adalah ciri geografi semulajadi yang mentakrifkan sempadan antara Kedah dan Pulau Pinang.

Katanya, selaras dengan ‘hak riparian’ atau hak air, satu-satu pemilik tanah berhampiran sumber air mentah semulajadi mempunyai hak ke atas aliran semulajadi, asalkan atas penggunaan yang munasabah serta kegunaan bermanfaat.

“Dengan itu, Pulau Pinang berhak untuk mengekstrak air dari Sungai Muda selaras dengan hak airnya, Kedah juga melakukan perkara yang sama.

“Oleh sebab itulah, tiada apa-apa caj selama 40 tahun, demikian juga tiada keperluan untuk apa-apa caj hari ini atau pada masa akan datang,” tegas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Terdahulu, beliau mempertikai respons Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili yang meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang berunding sendiri dengan Kerajaan Negeri Perak dalam pelaksanaan cadangan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

SPRWTS penting demi memastikan sumber kedua air mentah ke negeri ini mencukupi pada tahun 2050 nanti, tetapi Putrajaya berpendapat cadangan itu “terlalu awal” serta Pulau Pinang dinasihatkan untuk menangani masalah kegunaan air berlebihan.

Lanjutan itu, Kerajaan Negeri mengabaikan syor Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk tarif air, demi menampung kelewatan pelaksanaan SPRWTS tersebut.

Manakala, Kerajaan Negeri melalui PBAPP terus melakukan pelbagai langkah penjimatan sumber air hingga tiada langkah catuan seperti di beberapa negeri lain pada awal tahun ini.

Tidak cukup dengan itu, PBAPP turut diarahkan mengekalkan purata tarif terendah dan “paling mesra rakyat” berbanding negeri-negeri lain, iaitu hanya RM0.32 bagi setiap 1,000 liter bagi pengguna domestik sehingga 35,000 liter sebulan.

“Pada tahun 2014 dan 2015, negeri-negeri lain seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Johor, dan juga Taiping (dekat) Perak yang merupakan ‘bandar paling basah’ di negara ini terpaksa melaksanakan catuan air.

“(Namun,) tiada iada sebarang catuan di Pulau Pinang (kerana) Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBAPP untuk mengelakkan catuan walau apa cara sekalipun,” jelas Guan Eng.



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang mangsa ribut di Flat Taman Nusantara, Jalan Perak di sini baru-baru ini.

tidak akan dianaktirikan dari segi pembekalan perumahan mampu milik di bawah PR1MA,” tegas Jagdeep lagi.

Sebelum itu, Jagdeep yang juga ADUN

Datuk Keramat menyerahkan lima keping cek yang setiap satu berjumlah RM500 kepada lima mangsa ribut di Flat Taman Nusantara dekat Jalan Perak di sini.

Siapkan profil JKKK sebelum Julai – TKMI



MOHD. Rashid Hasnon (duduk, berbaju putih) bergambar kenang-kenangan dengan para peserta dan barisan penganjur.

Oleh: **DARWINA MOHD. DAUD**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PADANG LALANG - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyeru supaya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) menyiapkan profil perincian dan maklumat kawasan masing-masing selewat-lewatnya 8 September ini.

Katanya, kegagalan pihak berkaitan berbuat demikian bakal menyebabkan elauan pengerusi serta setiausaha JKKK terlibat disekid.

“Profil JKKK ini penting terutamanya sebagai rujukan komuniti antaranya dalam mendapatkan informasi berkaitan sejarah komuniti, peta lokasi, populasi dan prasarana fizikal.

“Saya berharap kesemua 290 JKKK dapat melengkapkan profil masing-masing dalam tempoh yang telah ditetapkan,” tegasnya pada Majlis Penutupan Kursus Pemantapan JKKK Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) 2015 di sini baru-baru ini.

Kira-kira 60 peserta mengambil bahagian menerima sijil penyertaan yang disampaikan oleh Mohd. Rashid.

Turut hadir, Pegawai Daerah SPT, Jusni Ismail.

Dalam pada itu, wakil JKKK Kubang Hulu, Penanti, Abdul Wahid Mohd. Fauzi, 48, berkata, penganjuran

kursus tersebut mendedahkan peri pentingnya pengurusan peringkat JKKK serta peranan agensi kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

“Dengan adanya profil JKKK, masalah setempat dapat ditangani dengan lebih mudah ekoran dapat merujuk kepada maklumat lengkap yang diperoleh dan telah 'disimpan,’” ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Bagi wakil JKKK Taman Sejahtera, Machang Bubuk, A.T. Shankar, 58, memberitahu bahawa jawatankuasanya merancang untuk menganjurkan program khusus mengenai wanita selepas didedah mengenai peranan sebenar PWDC.



MOHD. Rashid Hasnon (kiri) menerima cenderamata yang disampaikan Jusni Ismail pada Majlis Penutupan Kursus Pemantapan JKKK SPT 2015 di sini baru-baru ini.

Toray sumbang RM300,000 bangun TDP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Toray Industries (Malaysia) Sdn. Bhd. (Toray), sebuah firma pembuatan bahan kimia bersepadu dari Jepun menyumbang sejumlah RM300,000 bagi pembangunan Projek Tech-Dome Penang (TDP) demi kelestarian inovasi pengetahuan dan teknologi generasi masa hadapan di Pulau Pinang.

Pengarah Urusan Toray, Hiroshi Yoshimura berkata, Toray berpegang pada falsafah untuk menyumbang kepada masyarakat dengan mewujudkan nilai baru melalui idea yang inovatif dan kreatif.

“Kami (Toray) percaya bahawa pengetahuan dapat dikembangkan melalui pendidikan dan pembangunan sumber manusia yang memainkan peranan penting ke arah kebaikan dalam masyarakat serta pembangunan sesebuah negara.


“Masyarakat yang berpengetahuan pasti akan memberi kelebihan dalam persekitaran global yang kompetitif hari

ini. “Oleh demikian, kami (Toray) amat menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan sebuah pusat berteraskan sains, teknologi dan inovasi yang bakal meningkatkan keupayaan saintifik serta celik teknologi khusus bagi generasi masa hadapan” katanya pada Majlis Penyerahan Replika Cek TDP di sini baru-baru ini.

Mewakili Kerajaan Negeri, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Konsul Jeneral Jepun, Ryuji Noda; Pengarah Eksekutif Toray, Junji Kawakatsu; Pengurus Besar Toray, Hun Keng Kuan dan Penasihat Kanan Undang-undang Toray, Ang Way Fern.

Dalam pada itu, menurut Guan Eng,



REKA bentuk Tech-Dome Penang mengikut lakaran artis.

sumbangan Toray amat bermakna dalam merealisasikan pembangunan TDP yang menelan belanja RM25 juta.

“Tech-Dome Penang bukan sahaja bakal menjadi hab ilmu pengetahuan dan teknologi semata-mata, malah juga sebagai sebuah pusat sains dan penemuan yang bakal menjadi ikon negeri dalam mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat kecemerlangan sains serta teknologi.

“Kerajaan Negeri amat berterima kasih kepada Toray kerana membantu dalam pembangunan *Tech-Dome Penang*, sebuah ‘alam ajaib’ bertemakan sains dan teknologi yang pertama seumpamanya di Malaysia.

“Sehingga hari ini, sejumlah RM23 juta berjaya dikumpulkan hasil sumbangan syarikat-syarikat korporat tempatan, syarikat-syarikat multinasional, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan yang mahu menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bukan sahaja berdaya saing, tetapi menyeronokkan serta selesa untuk didiami.

“Kami (Kerajaan Negeri) amat



HIROSHI Yoshimura (dua dari kiri) menyerahkan replika cek kepada Ketua Menteri sambil diperhatikan Ryuji Noda (tengah) pada majlis penyerahan di sini baru-baru ini.

menghargainya dan bersiap siaga menyediakan masa depan untuk golongan muda serta generasi masa hadapan,” ujarnya.

Peneraju projek, Penang Tech Centre Berhad (PTCB) diberi tanggungjawab untuk membangunkan Tech-Dome Pulau Pinang di *Geodesic Dome*, Komtar sebagai sebuah pusat sains yang dapat memenuhi pembentukan modal

insan berkemahiran tinggi dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.

Tech-Dome Penang terbahagi kepada beberapa segmen pameran dan gerak kerja termasuk segmen robotik, segmen spektrum, cahaya serta Taman Silikon.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang, "www.techdomepenang.org.

Pengiktirafan halal tanda tahap kesedaran kian meningkat - Exco



ABDUL Malik (dua dari kanan) menyerahkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia kepada wakil pihak pengurusan Hotel The Light pada Seminar Pematuhan Halal Premis Makanan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar: **DARWINA MOHD. DAUD**

SEBERANG JAYA – Satu-satunya hotel bertaraf lima bintang di Seberang Perai, Hotel The Light baru-baru ini memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia di sini.

Sijil tersebut disampaikan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim pada

Seminar Pematuhan Halal Premis Makanan Pulau Pinang.

Abdul Malik yang juga Pengerusi Penang International Halal Hub (PIHH) berkata, pengiktirafan tersebut secara tidak langsung menandakan tahap kesedaran yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan integriti halal dalam industri perniagaan serta perkhidmatan makanan tempatan.

“Pengesahan ini berperanan sebagai pemangkin berterusan bagi rantaian industri perhotelan serta premis makanan amnya di Pulau Pinang untuk mendapatkan pengiktirafan halal.

“Industri produk dan perkhidmatan makanan diiktiraf halal oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) bukan sahaja dapat menambah keyakinan masyarakat Islam, malah juga berpotensi menembusi pasaran bukan Islam berteraskan kualiti, kebersihan dan keselamatan,” ucapnya pada majlis berkaitan.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Datuk Sazali Hussein, pegawai-pegawai Bahagian Pengurusan Halal dan pihak pengurusan Hotel The Light turut hadir pada seminar itu.

Menurut Abdul Malik, semenjak PIHH ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2008, premis yang berdaftar dengan sijil Halal Malaysia meningkat kepada 667 premis sehingga April 2014 berbanding 55 premis pada ketika itu (2008).

“Statistik premis makanan berdaftar halal merekodkan pertambahan dari enam outlet (2008) kepada 61 outlet (pemegang sijil halal semasa) iaitu pertambahan sebanyak 967 peratus.

“Manakala, statistik outlet makanan hotel yang berdaftar halal turut bertambah daripada empat outlet (2008) kepada 27 outlet sehingga April 2015,” ujar beliau.

Terdahulu, Restoran Original Kayu Nasi Kandar, rangkaian makanan segera Subway, kafe Old Town White Coffee meliputi 16 cawangan dan Restoran Nasmir Nasi Kandar turut menerima sijil pengesahan sama pada majlis yang diadakan secara berasingan.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.

**PINJAMAN PENDIDIKAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
SESI 2015 / 2016**

Permohonan boleh dibuat melalui *online* mulai
1 Jun 2015 hingga 30 Ogos 2015

<https://epp.penang.gov.my>

Sebarang pertanyaan sila hubungi :
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kawangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG
Tel : 04-6505165/5391/5541/5599/5627
Faks : 04-2613453

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

Sijil ■ Diploma ■ Ijazah Sains ■ Ijazah Sastera ■ Sarjana ■ PhD

Festival P. Ramlee acara tahunan P. Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

PULAU TIKUS - Buat tahun ketiga berturut-turut, badan pemikir Kerajaan Negeri, *Penang Institute* (PI) menganjurkan Festival P. Ramlee, sebuah medan keraian dalam memartabatkan karya seni Seniman Agung Negara, Tan Sri Datuk Amar P. Ramlee (P. Ramlee) atau nama sebenarnya Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh.

Menurut Pengarah Eksekutif PI, Zairil Khir Johari, penganjuran Festival P. Ramlee adalah bertujuan untuk memartabatkan karya seni lagenda P. Ramlee sekaligus meraikan bakat-bakat penggiat seni, sama ada penduduk setempat mahupun warganegara Malaysia.

“Walaupun sudah 42 tahun beliau meninggalkan kita, semangat dan jiwa Allahyarham Tan Sri P. Ramlee masih subur kerana karya-karyanya bukan sahaja terus

dipertonton dan didengari semata-mata, tetapi menjangkau realiti masyarakat dan cerminan sosial zamannya,” katanya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Justeru, menurut Zairil, sebagai sokongan kepada kesungguhan Kerajaan Negeri untuk mengangkat kembali karya Seniman Agung Negara tersebut, PI mengambil inisiatif menjadikan Festival P. Ramlee sebagai acara tahunan di negeri kelahiran beliau.

“Lazimnya setiap tahun, kita (PI) akan menganjurkan pertandingan karaoke dan forum, tetapi tahun ini, kita akan mengadakan keraian yang penuh gemilang dengan penganjuran beberapa pertandingan baru seperti boria dan orkestra mini.

“Begitu juga penganjuran Pesta Rakyat yang turut mengetengahkan permainan rakyat seperti sepak bulu ayam, gasing, batu seremban, ketinting dan bermacam-macam lagi,” ujarnya.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) bersama-sama Sekretariat Festival P. Ramlee menunjukkan poster penganjuran Festival P. Ramlee pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Zairil yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera turut mengalu-alukan penyertaan vendor dan penaja, khususnya bagi acara Pesta Rakyat yang akan berlangsung dari 22 – 23 Ogos 2015.

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat penyertaan pertandingan, vendor dan penaja, sila hubungi Sekretariat Festival P. Ramlee di talian 04 - 228 3306 (sambungan 106) atau emel ke secretariat@penanginstitute.org.


Warga emas dapat air bersih

Gambar : **PBAPP**

PENANTI - Bertindak menerusi maklum balas yang diterima dalam tempoh 48 jam, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berjaya membantu menyalurkan bekalan air bersih ke kediaman warga emas, Lim Ching Chuen, 78, di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, Ching Chuen yang menetap di Mukim 20, Kubang Ulu di sini menggunakan air perigi sejak 25 tahun lalu ekoran ketidakupayaan beliau membaca dan menulis bagi mendapatkan bantuan diperlukan.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa berkata, selain kerja-kerja penyambungan paip, PBAPP juga memberikan penggunaan 30,000 liter pertama air percuma setiap bulan kepada



LIM Ching Chuen (tengah) sambil diapit Ir. Jaseni Maidinsa (kiri sekali) dan Ng Wei Aik menunjukkan tanda bagus selepas kerja-kerja penyambungan paip selesai dijalankan.

“Pada masa sama, kami (PBAPP) juga membantu beliau mendapatkan bantuan menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat sosial (CSR)

syarikat,” katanya ketika meninjau kerja-kerja penyambungan paip di kediaman Ching Chuen di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

MAJLIS PEMBERIAN INSENTIF PERKHIDMATAN
PEMANDU TEKSI BAJET, TEKSI LAPANGAN TERBANG, TEKSI EKSEKUTIF, TEKSI MEWAH, LIMOUSIN DAN KERETA SEWA YANG BERDAFTAR DI NEGERI PULAU PINANG

YAB LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI PULAU PINANG

FAZA
13 JUN 2015 (SABTU)
MASA: 8.00 PAGI
TEMPAT: KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG, JALAN UTAMA 10430 PULAU PINANG

SEBANGKIN SELI
14 JUN 2015 (AHAD)
MASA: 8.00 PAGI
TEMPAT: AUDITORIUM MPSP, JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

MAJLIS PEMBERIAN INSENTIF PERKHIDMATAN KEPADA PEMANDU TEKSI PULAU PINANG

SYARAT – SYARAT KEPADA PEMANDU TEKSI

- Wajib hadir dengan membawa **KAD PEMANDU ASAL YANG SAH** dan **SURAT JEMPUTAN ASAL** semasa menghadiri Majlis Penyampaian Insentif Perkhidmatan Teksi yang akan dirasmikan oleh YAB. Ketua Menteri.
- Kad pemandu yang masih sah berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) **SEHINGGA 15 MEI 2015**, sahaja **LAYAK**.
- Hanya pemandu Teksi Bajet, Teksi Lapangan Terbang, Teksi Eksekutif, Teksi Mewah, Limousin Dan Kereta Sewa Yang Berdaftar Di Negeri Pulau Pinang seperti alamat yang tertera pada **KAD PEMANDU YANG SAH** sahaja **LAYAK**.
- Hanya Pemandu **YANG MEMANDU** sahaja **LAYAK**.
- Bayaran insentif perkhidmatan **HANYA AKAN DIBERIKAN** dalam Majlis Penyampaian Insentif Perkhidmatan mengikut tarikh dan tempat yang telah ditetapkan dalam surat jemputan sahaja.
- Sebarang **RAYUAN** tidak akan dipertimbangkan jika gagal mematuhi semua syarat yang jelas dinyatakan seperti di atas.

UNIT PENGURUSAN LALU LINTAS BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

Tuduh tarif perniagaan 'lebih membebankan' penjaja salah

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menolak tuduhan beberapa pihak yang mendakwa penjaja Pulau Pinang dilayan secara tidak adil dengan tarif air membebankan, berbanding kadar ditanggung sektor pembinaan di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu bahawa purata tarif perniagaan sebanyak RM1.36 bagi setiap 1,000 liter untuk 500,000 liter pertama tiap-tiap bulan sebenarnya di bawah kadar purata tarif kebangsaan pada kadar RM1.45.

Malah jelasnya, kadar rata untuk Bekalan Sementara seperti pembinaan bangunan atau

pengubahsuaian kini dibilkan pada tarif RM1.95 bagi setiap 1,000 liter.

"Pada 10 September 2014, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan rebat 35 peratus ke atas cadangan tarif kadar rata RM3.00 bagi menyokong industri pembinaan di Pulau Pinang.

"(Maka,) sektor pembinaan bayar RM1.95 setiap 1,000 liter untuk 'Bekalan Sementara' (seperti) pembinaan bangunan dan pengubahsuaian, (sekali-gus menggambarkan) sektor pembinaan bayar RM0.59 lebih daripada yang dibayar oleh penjaja (pada kadar RM1.36 setiap 1,000 liter).

"Tuduhan (tarif air yang dikenakan ke atas penjaja lebih membebankan berbanding sektor pembinaan) ini, seperti yang

disiarkan dalam portal berita, adalah salah dan mengelirukan," respons Jaseni kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Lagipun katanya, tarif perniagaan bagi penggunaan air di Pulau Pinang sebenarnya lebih rendah berbanding tujuh negeri lain, iaitu Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Purata tarif perniagaan (di sembilan negeri terbabit) untuk 500,000 liter pertama setiap bulan berada (pada kadar) di antara RM1.40 hingga RM2.93, (sedangkan) di Pulau Pinang ia hanya RM1.36," jelas Jaseni.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menjelaskan bahawa tarif

perniagaan RM1.36 bagi setiap 1,000 liter yang dikenakan sebenarnya memberikan kesan paling minimum pada kos makanan penjaja di negeri ini, berbanding dengan tanggungan membebankan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) serta kenaikan tarif elektrik dan harga minyak petrol.

Katanya, bekalan air yang dibilkan bagi penggunaan 1,000 liter air tiap-tiap bulan hampir menyamai jumlah isipadu air yang terkandung dalam 667 botol air mineral sebesar 1.5 liter.

Dengan erti kata lain, tambah beliau, penjaja di Pulau Pinang hanya membayar purata tarif hanya 0.136 sen setiap liter air, jika tarif perniagaan sebanyak RM1.36 dibahagi dengan 1,000 liter.

"Sebagai perbandingan, harga petrol RON95 adalah RM1.95 seliter pada 1 Mei 2015 atau lebih daripada 1,400 kali lebih tinggi daripada purata tarif perniagaan bagi 500,000 liter yang pertama sebulan di Pulau Pinang.

"Sementara itu, harga sebotol air minuman mineral adalah daripada RM1.20 setiap botol atau kira-kira 880 kali lebih mahal.

"Oleh itu, apa-apa peningkatan dalam harga makanan penjaja di Pulau Pinang berkemungkinan disebabkan kos petrol dan elektrik serta GST 6 peratus yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan ke atas harga kebanyakan barangan makanan mentah dan diproses, yang digunakan setiap hari oleh penjaja di seluruh Malaysia," ujar Jaseni.

Makanan tradisional meriahkan sambutan Hari Warisan

Gambar: **J. PATMAVATHY**

GEORGE TOWN - Sebanyak 30 menu makanan tradisi Pulau Pinang bakal dihidangkan bersempena sambutan Hari Warisan pada 4 hingga 7 Julai ini.

Pengurus Projek Sambutan Hari Warisan, Lim Chung Wei berkata, sebagai negeri yang sinonim dengan gelaran 'syurga makanan', pendekatan berkaitan dilihat adalah amat bersesuaian.

"Antara makanan tradisi yang bakal diketengahkan adalah ketupat pulut, nombe

apom, chee paniyaram dan lain-lain.

"Selain itu, turut 'didedahkan' adalah kebudayaan masyarakat negeri ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Lembaga George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Wong Hon Wai.

Sambutan Hari Warisan yang diadakan setiap tahun adalah menyambut ulang tahun pengiktirafan Bandaraya George Town sebagai Tapak Warisan UNESCO sejak 7 Julai 2007.



WONG Hon Wai (barisan dua, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur yang turut menunjukkan sajian tradisional yang bakal dihidangkan pada sambutan Hari Warisan di sini.

Biawak hidup bernama 1MDB

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit Bendera
merangkap Pengarah
Eksekutif Penang Institute

Serambi
PENANG
INSTITUTE
making ideas work

SAMBIL pendedahan demi pendedahan dibuat sekitar skandal mega 1MDB, orang ramai kini mula bimbang dengan kemungkinan terpaksa menanggung padah kegagalan syarikat tersebut menguruskan kewangannya.

Dengan hutang yang kian menggunung sehingga mencecah RM42 bilion setakat ini, serta kegusaran mengenai kemampuan syarikat dana kekayaan negara itu untuk melangsaikan hutang yang begitu besar, timbullah kekhawatiran bahawa dana-dana kerajaan serta institusi-institusi awam lain akan dipergunakan untuk menyelamatkan 1MDB.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara telah pun memberi amaran bahawa konsesi penjana tenaga bebas (IPP) yang dianugerahkan tanpa tender terbuka kepada 1MDB akan menyebabkan rakyat membayar lebih untuk tenaga elektrik. Walaupun hakikat ini pada mulanya dinafikan Kerajaan, pengumuman Suruhanjaya Tenaga pada bulan lepas mengenai kenaikan kadar tarif elektrik sebanyak 22 peratus bagi loji janakuasa 1MDB akan mengakibatkan TNB terpaksa membeli tenaga pada kadar yang lebih tinggi daripada loji tersebut. Akhirnya, siapakah yang akan menanggung kos berlebihan ini, sekiranya tidak pengguna, yakni rakyat Malaysia?

Maka muncullah para penyelamat

Dengan beban hutang yang begitu menggerunkan sehingga bunga pinjaman pun tidak mampu dibayar, terpaksa 1MDB mencari para penyelamat dalam kalangan institusi-institusi awam dan syarikat-syarikat kaitan kerajaan.

Dalam jawapan Parlimen baru-baru ini, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mengakui bahawa Kumpulan Wang Persaraan (KWP) telah melabur sebanyak RM1.4 bilion dalam 1MDB dan anak-anak syarikatnya, manakala Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula telah memperolehi bon 1MDB yang berjumlah RM200 juta. Pelaburan-pelaburan ini boleh dilihat sebagai "suntikan modal" kepada syarikat yang dilumuri hutang tersebut.

Walaupun jelas dana awam sedang digunakan untuk menyelamatkan 1MDB, ternyata sekali pendedahan yang paling menaikkan angin orang ramai adalah keputusan Lembaga Tabung Haji untuk membeli sebidang tanah seluas 1.56 ekar di projek pembangunan Tun Razak Exchange (TRX) yang dimiliki 1MDB pada harga RM188 juta atau RM2,773 skp.

Berdasarkan maklumat daripada dokumen-dokumen bocor yang disiarkan dalam sebuah blog tidak bernama, menteri Umno yang bertanggungjawab ke atas urusan dana bakal haji telah menyegerakan sesuatu yang boleh dilihat sebagai "urusniaga suka sama suka" antara 1MDB dan Tabung Haji.

Walaupun menteri tersebut telah mempertahankan urusniaga tersebut sebagai satu pelaburan yang bijak kerana harga pembelian RM2,773 skp itu cukup berbaloi, kita pastinya ingat bahawa 1MDB telah memperolehi keseluruhan 70 ekar tanah TRX pada harga runtuhan RM64 skp pada tahun 2011.

Maka timbullah soalan, sekiranya Kerajaan

sanggup menjual tanah yang bernilai tinggi itu pada harga begitu murah kepada 1MDB yang merupakan syarikat kaitan kerajaan, maka mengapakah Tabung Haji, yang juga merupakan institusi kaitan kerajaan, perlu membeli tanah yang sama daripada 1MDB pada harga RM2,773 skp ataupun 43 kali ganda apa yang dibayar empat tahun lepas? Sekiranya Kerajaan ingin memberi keuntungan kepada para penabung Tabung Haji, mengapakah tidak tanah itu dijual terus tanpa melalui 1MDB yang mengaut keuntungan atas angin?

Lebih memeranjatkan lagi, keputusan untuk membeli tanah tersebut telah dibuat meskipun terdapat laporan penilaian dalaman Tabung Haji pada 9 April 2015 yang menyatakan bahawa pelaburan tersebut dikira "berisiko tinggi." Antara permasalahan yang ditekankan dalam laporan tersebut adalah sektor hartanah di Kuala Lumpur yang tidak memberangsangkan, cabaran makro-ekonomi yang melemahkan permintaan, kesukaran pembeli untuk mendapat pinjaman, bekalan kondominium mewah yang melimpah di Lembah Klang, serta pemajuan projek TRX yang tampaknya berjalan lambat. Malah, laporan tersebut juga menyatakan bahawa Tabung Haji akan berhadapan dengan risiko reputasi sekiranya ia dilihat berkecimpung dengan 1MDB.

Namun begitu, akhirnya dibeli juga tanah tersebut dan untunglah 1MDB kerana berjaya meraih laba sebanyak RM184 juta dengan hanya memainkan peranan sebagai broker hartanah.

Tabung Haji pun dia, 1MDB pun dia juga

Persoalan mengenai pentadbiran korporat serta pertembungan kepentingan juga mula timbul berikutan pendedahan bahawa terdapat empat eksekutif kanan Tabung Haji yang turut memainkan peranan besar di 1MDB.

CEO Tabung Haji Tan Sri Ismee Ismail sebenarnya juga seorang ahli lembaga pengarah 1MDB, manakala Timbalan CEO Tabung Haji Dato' Johan Abdullah pula menjawat sebagai pengerusi anak syarikat 1MDB. Pada masa yang sama, ahli panel pelaburan Tabung Haji Tan Sri Abdul Samad Alias serta pengarah Tabung Haji Tan Sri Irwan Siregar juga turut menduduki lembaga pengarah 1MDB.

Justeru, kepentingan siapakah yang mereka pedulikan ketika memutuskan untuk melaksanakan urusniaga jual beli tanah antara Tabung Haji dan 1MDB? Adakah Ismee, Johan, Abdul Samad dan Irwan bertindak bagi pihak jutaan penabung Tabung Haji atau adakah mereka lebih mementingkan usaha menyelamatkan masa depan kewangan 1MDB?

Pengurusan tertinggi Lembaga Tabung Haji bukan sahaja telah gagal menjalankan tugas menguruskan dana awam, tetapi juga gagal sebagai pemegang amanah ibadat haji umat Islam. Ini tidak terhad kepada mereka yang berperanan di kedua-dua Tabung Haji dan 1MDB sahaja, tetapi keseluruhan ahli lembaga termasuk Pengerusi Tabung Haji Dato' Seri Abdul Azeez



ZAIRIL Khir Johari (duduk, dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke Sekolah Kebangsaan Tanjong Tokong.

Abdul Rahim.

Namun, hakikatnya tanggungjawab terbesar harus dipikul oleh pemimpin tertinggi, iaitu Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak. Segala kebobrokan ini pastinya tidak terjadi jika bukan kerana nasib malang 1MDB yang membawa kepada bala berjumlah RM42 bilion yang tidak mampu dilunaskan.

Walau bagaimanapun, usaha menyelamatkan 1MDB melalui suntikan dana awam tidak terhad kepada Tabung Haji, KWAP dan KWSP sahaja. Turut didedahkan baru-baru ini ialah penglibatan Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang membeli sukuk 1MDB bernilai RM85 juta.

Secara kebetulan, Takaful Malaysia juga ada kaitannya dengan 1MDB melalui pengurusinya sendiri, Tan Sri Ismee Ismail. Sepertimana kita tahu, Ismee adalah ahli lembaga pengarah 1MDB yang dilantik semasa penubuhan syarikat dana kekayaan negara itu pada awal tahun 2009. Dua bulan selepas lantikan Ismee kepada 1MDB, Takaful Malaysia telah memperolehi bon bernilai RM85 juta daripada 1MDB. Beberapa bulan kemudian, Ismee dilantik menjadi pengerusi lembaga pengarah Takaful Malaysia.

Jika ada pun yang menyatakan bahawa lantikan Ismee sebagai pengerusi Takaful Malaysia telah berlaku selepas pembelian bon 1MDB oleh syarikat insurans kaitan kerajaan itu, hakikatnya masih sama kerana Takaful Malaysia dimiliki oleh BIMP Holdings yang sendirinya dikawal oleh Tabung Haji, di mana Ismee menjawat sebagai CEO sejak tahun 2006. Jelas, ke mana sahaja Ismee pergi, kepentingan 1MDB didahulukan.

Bagai tikus meninggalkan kapal karam

Mutakhir ini, antara yang tegas menegur perkara ini adalah orang pentadbiran sendiri, seperti bekas anggota Majlis Tertinggi Umno Dato' Saifuddin Abdullah serta sayap Pemuda Umno sendiri melalui ketuanya yang juga seorang Menteri Kabinet, Khairy Jamaluddin. Baru sahaja tempoh hari Pemuda Umno menzahirkan sokongan tidak berbelah bahagi mereka terhadap Perdana Menteri, di tengah-tengah ribut dakwaan dan persoalan mengenai skandal 1MDB. Namun, bak kata pepatah, sedangkan pasir pantai pun berubah, ini kan pula hati orang politik.

Belum pernah sebuah isu politik mendapat sambutan yang seia sekata dari kedua-dua

belah pihak sepertimana yang sedang berlaku sekarang. Kritikan pedas disuarakan bukan sahaja oleh pimpinan DAP, PKR dan Pas, malah pimpinan Umno termasuk mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri pun mengutuk urusniaga terbabit, dengan disambut oleh kumpulan ultra-Melayu, Perkasa.

Semakin jelas kelihatan kapal yang dinakhodai Dato' Sri Najib Razak kian karam. Pimpinan Umno pula kelihatan tidak bersimpati dengan presiden mereka, malah menambah tekanan terhadapnya. Terbaru, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah memberi amaran bahawa Umno bakal rebah sekiranya persoalan mengenai 1MDB tidak dijawab, selain mendesak agar seluruh lembaga pengarahnya dipecat dan disiasat polis.

Rakyat menuntut kebertanggungjawaban dan ketelusan

Kerajaan Persekutuan kini tiada pilihan selain mengambil langkah-langkah jelas dan tegas demi memastikan kebertanggungjawaban atas kecuaihan pihak pengurusan dan lembaga penasihat yang dipengerusikan Perdana Menteri sendiri. Hutang sebanyak RM42 bilion tidak boleh diambil ringan, khususnya apabila 1MDB kini tidak mampu membayar bunga hutangnya sehingga terpaksa meminjam lagi.

Apabila sesebuah syarikat terpaksa meminjam duit untuk tujuan membayar bunga pinjaman lain, jelas modal perniagaannya tidak lestari. Menggunakan logik yang sama, adalah lebih baik sekiranya 1MDB segera membendung kerugian dengan menghentikan operasi 1MDB dan menstruktur semula segala aset dan liabilitinya.

Apa-apa pun, Perdana Menteri tidak boleh terus meremehkan perkara ini, seolah-olah 1MDB tidak membabitkan kepentingan rakyat. Kini, bukan sahaja rakyat malah kepimpinan Umno dan Barisan Nasional sendiri tidak boleh menerima penggunaan dana institusi-institusi awam seperti Tabung Haji, Takaful Malaysia, KWAP dan KWSP untuk menyelamatkan syarikat yang bermasalah itu.

Selagimana isu ini tidak diselesaikan secara telus dan mereka yang bertanggungjawab tidak dibawa ke muka keadilan, selagi itulah nampaknya Kerajaan Persekutuan pimpinan Dato' Sri Najib Razak terus mendukung biawak hidup.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks	NAMA ADUN	No Tel/ No Faks	PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614	PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825	PENAGA Ridwan Osman ridwan_wan48@yahoo.com	013-499 5068
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700	BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670	BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	013-580 6981
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689	PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555	PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad hadiputra78@yahoo.com	019-437 2887
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218	PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630	PERMATANG BERANGAN Arshad Md. Salleh arshad.salleh@yahoo.com	019-510 2633
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496	SUNGAI DUA YB Muhammad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454	SUNGAI DUA Zahadi Mohd. zahadi55@yahoo.com	019-507 3828
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175	TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389	TELOK AIR TAWAR Norhayati Jaafar yatie7119@yahoo.com.my	019-433 7119
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419	SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529	SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikعادilan@gmail.com	012-594 1515
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745	BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini	BAYAN LEPAS Jamaludin Said udinmtd@gmail.com	019-413 0799
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028	PULAU BETONG YB Muhammad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202	PULAU BETONG Hj. Mohd Tuah Ismail tuahismail@yahoo.com	019-570 9500
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464	TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821	TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017-460 4849
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109				
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookieng@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885				
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926				
BERAPIT YB Ong Kok Fook ongkokfook@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476				
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442				
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.caagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581				
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163				
PENKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523				
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/I Autheraphy afana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870				
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451				
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shapee adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648				
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068				
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868				
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217				
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226				
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkitengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677				
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871				
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungaipinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630				
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalan djayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699				
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/I Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611				
DAP PENANG HQ dapppg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514				
PAS PENANG HQ	(T) 04 - 575 5584				
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115				

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-656 4131
BOMBA			04-398 8809
PENYELAMAT		JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
DIREKTORI TELEFON	103		
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
NEGERI		KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
KASTAM	04-262 2300	FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
IMIGRESEN	04-250 3419	(BUTTERWORTH)	04-310 2377
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	JAMBATAN PP	04-398 7419
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN	04-829 4046
SOCOSO	04-238 9888	KANAK-KANAK	
		CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
			04-281 1108
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

N1 Penaga : 011-1060 8823 - Shukri	Bungah : 011 - 12441069 - Hezreen
N2 Bertam : 019 - 593 3736 - Fatimah	N23 Air Putih : 04 - 829 0614 - Hong Kian Beng
N3 Pinang Tunggai : 017 - 424 9371 - Tasrin	N24 Kebun Bunga : 012 - 493 3342 - Cheng Kok Eong
N4 Permatang Berangan : 019 - 556 4664 - R.M. Reza	N25 Pulau Tikus : 017 - 956 3237 - Quah
N5 Sungai Dua : 013 - 595 6865 - Rosli Man	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015 - Johnny Chee
N6 Telok Air Tawar : 013 - 598 1435 - Raudzey Razali	N27 Pengkalan Kota : 012 - 401 1522 - Ch'ng Chin Keat
N7 Sungai Puyu : 012 - 480 5495 - Mr.Lee	N28 KOMTAR : 012 - 423 3227 - Benji Ang
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366 - Yeap Choon Keong	010 - 811 7300 - Razin
N9 Bagan Dalam : 016 - 473 1963 - Gesan	N29 Datok Keramat : 017 - 480 7417 - Varinder
N10 Seberang Jaya : 04 - 390 5109 - Nor Hayati Mohd. Iskander	04 - 226 2464 - Kalvinder
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442 - Kamal	N30 Sungai Pinang : 04 - 282 6630 - Shuen
013 - 595 6865 - Rosli	N31 Batu Lancang : 04 - 282 6419 - Karuna
N12 Penanti : 04 - 538 2871 - Tira	N32 Seri Delima : 019 - 4474362 - Mahen James
N13 Berapit : 016 - 401 3507 - Mr.Lim	012 - 5242549 - Anne
017 - 446 1817 - Yeoh Ee Yee	N33 Air Itam : 012 - 4730736 - Janet
N14 Machang Bubuk : 012 - 474 0964 - Andrew Chin	016 - 4940705 - Toon Hoon Lee
012 - 473 0964 - Ikhwan	N34 Paya Terubong : 012 - 484 1963 - Frankie Kee
N15 Padang Lalang : 017 - 552 8928 - Chan	016 - 205 1185 - Jalal
014 - 945 9786 - Lai	N35 Batu Uban : 016 - 480 0232 - Khairul
N16 Perai : 04 - 399 6689 - Selvi	016 - 487 8602 - Sathya
N17 Bukit Tengah : 013 - 518 8735 - Lim Tuan Chun	016 - 444 3550 - Aliiff / Shamsudin
N18 Bukit Tambun : 016 - 404 9120 - G.Dumany	04 - 646 4700 - Amirulzaman
017 - 378 4448 - Khor	N37 Batu Maung : 019 - 498 1096 - Danny Ho
N19 Jawi : 017 - 408 4784 - Abdul Halim	016 - 428 6158 - Saifullizan
012 - 456 5018 - Mr. Khor	N38 Bayan Lepas : 016 - 599 2918 - Zulkiflee
N20 Sungai Bakap : 019 - 552 8689 - Mr. Khor	N39 Pulau Betong : 012 - 422 4935 - Johan Abu Bakar
012 - 542 4454 - Norjuliana	N40 Telok Bahang : 017-413 5695 - Johan Abu Bakar
N21 Sungai Acheh : 010 - 929 6603 - Hasbullah	
N22 Tanjung : 012 - 465 0021 - Ariff Baseri	


SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshal a/l Pakianathan	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Loh Joo Huat	012 - 422 1133
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Tiagarajen A/L Annamalai	010 - 387 9305
Ong Eu Leong	010 - 770 0508
Ho Leng Hong	017 - 487 2767
Shafiqah Shobha Abdullah	016 - 496 1659
Mohd. Rizal Abd. Hamid	012 - 424 3878
Rajasegar a/l Govindasamy	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim	018 - 576 1622
Zaini Awang	019 - 546 3115 019 - 493 6161
Amir Md. Ghazali	013 - 584 8386
Mohd. Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Omar Hassan	019 - 571 8031
Dahalan Fazil	019 - 727 4388
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822
Wong Chee Keet	012 - 451 1312



SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Sukumar a/l Subramaniam	019 - 442 2113
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012- 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019- 225 6502
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Prof. Tan Kim Hooi	016 - 438 7855
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Lim Boon Beng	012 - 564 4400
Ahmad Azrizal Tahir	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Felix Ooi Keat Hin	016-417 1331
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Yacoob Omar	013 - 420 3611
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Sha'ari Md. Salleh	013 - 788 7786
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114



SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

Jurugrafik:

IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "sms blast",
taip "ADD ME" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



Justeru, menurut beliau, persatuan seharusnya memberi peluang dan sokongan kepada pakar-pakar sukan yang berpengalaman dan berfikir adil dengan melantik individu-individu berkaitan sebagai pemimpin organisasi.

"Bagi membangunkan sebuah organisasi sukan, seseorang pemimpin organisasi harus bersikap profesional bagi membolehkan pihak lain lebih menghormati dan percaya dengan keputusan diambil.

"Biarlah pakar-pakar sukan yang profesional dan bersemangat tinggi menjadi pemimpin persatuan sukan, saya pasti mereka akan mengurus persatuan sukan dengan lebih baik daripada ahli politik," ucapnya pada



AHLI-ahli pasukan Tong Yang bergambar kenangan dengan piala dan pingat yang dimenangi dalam Kejohanan Bola Keranjang PYDC di sini baru-baru ini.

Majlis Penutupan Kejohanan Bola Keranjang Piala Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Pengerusi PYDC, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng.

Pada perlawanan akhir yang berlangsung, saingan sengit menemukan pasukan dari Kampung Valdor dan Tong Yang.

Pasukan Tong Yang berjaya memenangi perlawanan tersebut dengan kiraan mata 71-63.

Program komuniti sasar semua lapisan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **MARK JAMES**

GEORGE TOWN -

Dalam merealisasikan laungan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat, Kerajaan Negeri melalui portfolio MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti melancarkan Program Komuniti bermula Mei hingga Oktober 2015.

Exconya, Chong Eng berkata, program tersebut direncanakan khusus untuk seluruh warga Pulau Pinang merangkumi 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) bermula 9 Mei lalu hingga 17 Oktober 2015.

"Di bawah Program Komuniti ini, terbahagi pula kepada dua kategori mengikut kumpulan sasar iaitu Program Sukan Komuniti dan Program Keluarga Berilmu dalam usaha melahirkan komuniti Pulau Pinang yang sihat dan harmoni," katanya pada Majlis Taklimat Program Komuniti di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Jawi, Soon Lip Chee.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC),



(Dari kiri, duduk), **TEH Lai Heng, Soon Lip Chee, Chong Eng, Lim Siew Khim dan Aloyah Bakar** bersama-sama dif jemputan menunjukkan poster promosi Program Komuniti pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Aloyah Bakar dan Pegawai-pegawai Penyelaras KADUN serta wakil ADUN turut sama dalam sesi taklimat tersebut.

Bertemakan 'Komuniti Bersukan, Rakyat Sihat', Program Sukan Komuniti lebih mendedahkan komuniti dengan aktiviti kesukanan sama ada sukan tradisi mahupun sukan ekstrem yang mencakupi semua lapisan masyarakat.

Bagi Program Keluarga Berilmu, beliau memberitahu bahawa pendedahan dalam bentuk penyebaran maklumat dan perkongsian ilmu kekeluargaan adalah bagi membantu ibu bapa membina sebuah keluarga bahagia.

"Kedua-dua program ini semestinya mempunyai sasaran jangka masa panjang iaitu diharap dapat mengekang isu-isu sosial dan keretakan institusi keluarga yang bukan sahaja boleh merosakkan institusi kekeluargaan, malah juga merugikan kemasyarakatan secara keseluruhannya," jelas beliau.

Restoran Kari Itik Purnama Indah, harapan Shuaid

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SESI wawancara tersebut tidak dirancang sama sekali.

Selepas selesai sesi wawancara lain yang diatur pembantu Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya, beliau kemudian bertanyakan sama ada Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara berminat mencuba kari itik.

Kari itik, detik fikiran penulis, amat menarik!

Belum pun masuk waktu makan tengah hari, gerai makan Pakcik Shuaid Saad, 64, telah dipenuhi dengan pengunjung.

Keadaan gerainya amat sederhana, namun, bau kari dan ayam gorengnya membuka selera setiap pengunjung asing yang bertandang.

Kari itik dimasak di dalam periuk besar yang sentiasa dipanaskan. Semuanya *self-service*. Pengunjung boleh memilih, mengambil dan mencedok sendiri bahagian isi atau berapa banyak kuah yang diinginkan.

Selain kari itik, turut menjadi hidangan istimewa adalah kari ayam kampung dan ayam goreng yang disediakan segar setiap hari.

Dibantu oleh isteri, Fauziah Darus, 55, Pakcik Shuaid yang agak pemalu orangnya menyatakan bahawa lima tahun dahulu, beliau

menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan menjual laksa dengan modal RM50 di Kampung Pertama (bahagian luar), Jalan Permatang Nibong, Seberang Jaya.

Apabila projek pembesaran sekolah dijalankan di kawasan berkaitan, beliau terpaksa berpindah ke 'bahagian dalam' kampung yang sama, Jalan Permatang Nibong.

Disebabkan lokasi yang kurang strategik, Pakcik Shuaid dan Makcik Fauziah terpaksa mencari penambahan baru untuk melariskan lagi jualan gerai mereka.

"Pakcik dan Makcik dapat idea buat kari itik. Walaupun tidak pernah buat, kami cuba juga menggunakan ramuan sama seperti ayam.

"Takut dan risau juga sebab masa itu orang Melayu tak makan itik. Tapi disebabkan tiada siapa yang buat di kawasan ini, kami cuba buat.

"Pada peringkat permulaan,



SEBAHAGIAN lauk yang dihidangkan.



SHUAID Saad dan Fauziah Darus di gerai mereka.



SHUAID Saad menunjukkan kari itik yang menjadi buah mulut ramai.

Pakcik buat tiga ekor itik, hanya seekor yang habis.

"Sebab minat berniaga, kami tak putus asa dan agak-agak sebulan juga barulah *ok*," kongsi beliau.

Pakcik Shuaid yang dikurniakan tujuh cahaya mata memberitahu, pengalamannya berniaga dengan abang ipar dalam bidang masakan banyak mempengaruhi teknik

masakan beliau kini.

"Semua resipi daripada orang-orang tua. Abang ipar tidak pernah buat kari itik, tapi, asasnya lebih kurang sama.

"Itik ia ada bau sikit. Namun, saya bersyukur kerana ada kawan yang proses ayam bagitahu cara nak hilangkan baru itu.

"Alhamdulillah, sekali Pakcik dan Makcik cuba buat terus jadi!" jawabnya sambil tersenyum.

Istimewanya, bagi penulis, kari itik yang dijamu pada hari berkaitan adalah amat lembut isinya dan rempah kari yang digunakan adalah amat memenuhi citarasa!

Ketika diusik apa petua yang digunakan sehingga rasa isi itik begitu lembut, Pakcik Shuaid hanya tersenyum dan menjawab, itu rahsia.

Bekalan itik Pakcik Shuaid adalah diperoleh segar setiap hari dari Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU).

Setiap pagi, selepas sembahyang subuh, Makcik akan ke kedai mendapatkan ramuan-ramuan yang diperlukan.

"Kini, Pakcik dan Makcik memasak 15 ekor itik setiap hari

dan selain rasa yang lazat, makanan adalah dijual dengan harga yang amat berpatutan.

"Semuanya dari mulut ke mulut. Lepas rasa, pelanggan beritahu kawan-kawan dan jadi makin ramai. Antara pelanggan luar yang pernah berkunjung ke sini adalah dari Kuala Lumpur dan Johor," ujarnya.

Selain ingin memperbesarkan perniagaannya, Pakcik Shuaid juga ingin berpindah ke lokasi lebih sesuai berbanding kini. Ini kerana, menurut beliau, lokasi kini adalah lebih terpencil dan tiada pelanggan pada waktu petang.

Selain itu, beliau juga berharap anak-anaknya akan memahiri teknik masakannya dan terus memajukan perniagaan yang ada.

"Kini, anak bongsu yang 'bekerja tetap' di sini sebab dia minat sambil dibantu oleh anak keempat secara sambilan," jelas Pakcik Shuaid yang juga berharap memiliki restoran pada suatu hari kelak.

Mengulas lanjut, ekor tidak cukup tangan, beliau tidak menerima tempahan kenduri. Sebaliknya, hanya jamuan kecil-kecilan sahaja.

Mengakhiri pertemuan pada hari berkaitan, Pakcik Shuaid yang memiliki 13 orang cucu hanya berpesan, sekiranya ingin berjaya, kenalah rajin... sambil mengukir senyuman manis sambil 'diintai' Makcik Fauziah yang sibuk melayan pelanggan.

INFO :

Purnama Indah
Kari Itik Ayam Kampung
Cawangan Nasi Itik Jalan
Permatang Nibong, Seberang
Jaya.
017 - 429 4412



GERAI Purnama Indah.

Skuary kentalkan Low Wee Wern buru kejuaraan

BINTANG muda ini adalah pemain skuary kedua negara, di belakang ratu skuary nombor 1 dunia, Dato' Nicol Ann David.

Wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** berkesempatan mewawancara Low Wee Wern, 25, iaitu anak jati Pulau Pinang.

Wee Wern berada dalam ranking ke-7 dunia, pada bulan April 2015.

Pada kejohanan Sukan Asia Incheon 2014, Wee Wern memenangi pingat perak untuk kategori perseorangan wanita, selepas ditewaskan oleh Nicol.

Bagaimanapun, beliau melahirkan rasa syukur dan berbangga kerana berjaya mendapat pingat emas kategori berpasukan bersama-sama Nicol dan rakan senegara lain pada kejohanan itu.

Pun begitu, koyakan pada legamen lutut kiri beliau memaksa Wee Wern untuk berehat kira-kira enam bulan juga, sebelum kembali beraksi.

Jika tidak cedera teruk, barangkali Wee Wern akan menempah nama juga pada Kejohanan Skuary Perseorangan Asia Ke-18 di Kuwait pada 1 hingga 5 Mei lalu, serta kejohanan berprestij Terbuka British pada 9 hingga 17 Mei lepas di Hull.

"Sebagai pemain profesional sepenuh masa, selalu mengalami kecederaan, tetapi kali ini ACL (anterior cruciate ligament) paling teruk.

"Saya tidak sangka seteruk ini, tetapi, bersyukur kerana pembedahan telahpun selamat dijalankan.

"Sebenarnya saya tetap menjalani program latihan pemulihan tiap-tiap, seperti latihan (skuary) juga, dengan dua tiga jam juga (dalam) enam hari tiap-tiap minggu akan berada dalam gym.

"Secara normalnya mengambil masa selama enam bulan untuk sembuh," ujar Wee Wern.

Latih sejak 9 tahun

Wee Wern mula menceburi sukan skuary sejak dibangku sekolah rendah lagi.

Beliau belajar di Sekolah Perempuan Methodist, seterusnya ke sebuah sekolah menengah swasta yang dikenali sebagai Sri Pelita International School.

Adiknyanya, Low Wee Nee



LOW Wee Wern.

juga merupakan atlet skuary profesional, tetapi kini berehat untuk memenuhi tanggungjawab akademiknya.

Sebaliknya, Wee Wern pula terus memburu kejuaraan dalam arena skuary, walaupun pernah ada tajaan perseorangan untuk beliau melanjutkan pengajian ke Universiti Harvard dan Trinity College di luar negara, tahun 2009 dulu.

Pengorbanan dan kegigihannya berbaloi kerana sebelum meletakkan pen dan kertas, beliau merangkul Kejohanan Skuary Terbuka Britain Bawah19 Tahun.

Beliau merangkul kira-kira 19 gelaran dalam pelbagai kejohanan dalam tempoh 2001 hingga 2006, termasuk termasuk dalam Piala Remaja

& Perintis Asia Bawah 19 tahun pada tahun 2006.

"Saya mula bermain skuary pada usia sembilan tahun, yang kini berpusat di Pusat Skuary Antarabangsa Pulau Pinang di Bukit Dumar.

"Emak saya kata saya perlu melakukan sesuatu pada tiap-tiap hujung minggu dan saya menjalani latihan skuary.

"Sekarang, saya masih menerima tunjuk ajar dan semangat daripada jurulatih Aaron Soyza.

"(Skuary) ini sudah macam kerier, tetapi, ini bukanlah karier yang mudah dan memerlukan kecekalan untuk terus duduk dalam ini," jelas beliau sambil berharap aksinya selepas tempoh pemulihan ini bertambah baik.

Dibandingkan Nicol

Walaupun sudah mempunyai rekod kejayaan yang tersendiri, Wee Wern mengaku bahawa beliau seringkali dibandingkan dengan kehebatan Nicol.

Bagaimanapun, beliau senantiasia menganggap kejayaan Nicol sebagai bara yang membakar semangatnya untuk melakukan yang terbaik pada setiap kali di gelanggang.

"(Berentap kejuaraan dengan Nicol) ini sesuatu pengalaman yang besar untuk saya.

"Inilah pengalaman yang baik, walaupun saya sendiri pada mulanya agak gementar untuk perlawanan itu.

"Nicol telah mencapai apa yang setiap pemain skuary impikan, (malah) menjadi impian tiap-tiap atlet.

"Saya agak rapat dengannya sebagai rakan senegara dan saya akan cuba untuk menjadi yang terbaik yang saya mampu.

"Saya berharap untuk terus menjulang bendera negara ke persada antarabangsa," jelasnya lagi.

"Baju-T & Seluar Pendek"

Di luar gelanggang skuary, Wee Wern juga mempunyai wajah yang cantik, jelita serta lincah sudah tentu diburu oleh kaum media untuk mengisi majalah popular dalam negara ini. Pun begitu, beliau mengaku bahawa beliau bukanlah seorang yang lazim berfesyen, apatah lagi bersolek seperti beberapa selebriti sukan tanah air.

Katanya, amalan pemakanan yang sihat, diet yang seimbang penting serta latihan kecerdasan yang konsisten lebih penting untuk seseorang atlet profesional.

"Apabila seseorang atlet dijemput untuk mengisi satu-satu majalah, ini suatu peluang yang baik untuk kita lakukan.

"Saya fikir, saya biasanya tidak menggayakan (sesuatu fesyen)...selalu saya dengan baju-t dan seluar pendek tanpa melakukan apa-apa," seloroh Wee Wern, mengukir senyuman.

Harapan

Wee Wern memberitahu bahawa menjadi atlet profesional skuary pun sebenarnya menjanjikan prospek kerjaya yang berjaya dan tersendiri, dengan syarat seseorang atlet itu seharusnya disiplin serta mesti membuktikan kebolehan masing-masing dalam setiap kejohanan yang disertai.

Disiplin dan rekod kejayaan, katanya, sudah pasti akan menggamit tajaan daripada pihak swasta serta sokongan daripada kerajaan sendiri.

Baginya, aksi di gelanggang mesti membawa nama serta semangat Malaysia dan negeri Pulau Pinang, baru ada kepuasannya.

"Sukan memang ada risikonya, terutama apabila kita cedera, kita sendiri tidak tahu nasib kita sama ada boleh beraksi lagi di gelanggang atau sebaliknya.

"Tetapi, saya berharap dengan sokongan banyak pihak, saya boleh memberikan sesuatu untuk Malaysia dan untuk Pulau Pinang melalui karier saya, sekarang ini.

"Ini adalah kerier, tetapi bukanlah karier yang mudah dan memerlukan kecekalan untuk terus duduk dalam ini, dan saya berharap lebih banyak lagi tajaan serta sokongan untuk atlet-atlet baru dalam sukan (skuary) ini.

"Tanpa tajaan mereka, mungkin sukar untuk melakukan semua ini sehingga saya boleh menjadi seorang pemain profesional sepenuh masa.

"Saya telah mengelilingi pelbagai negara dan menyertai banyak kejohanan peringkat dunia dalam tempoh enam bulan (belakangan) ini, tetapi kerinduan dan kecintaan saya (masih terpaut) di Pulau Pinang," jelas Wee Wern.



KETIKA sesi wawancara diadakan bersama-sama wakil Buletin Mutiara.

Buat kerja lebih dari apa yang diminta, prinsip Roseman terima APC

Gambar : ALISSALA THIAN

PADANG KOTA – Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail berharap kumpulan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan baru-baru ini mampu memberi galakan serta dorongan kepada kakitangan lain untuk sentiasa menempuh cabaran bagi mengukuhkan kedudukan serta memartabatkan imej MBPP.

“Bagi penerima APC, sahut cabaran dalam mengekalkan kecemerlangan di masa depan.

“Pada masa sama, saya turut merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada semua kakitangan yang bersara di atas dedikasi serta komitmen berkhidmat dengan MBPP,” ucapnya pada Majlis Penghargaan Pesara dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di Dewan Bandaraya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Ketua-ketua jabatan.

Seramai 132 kakitangan bersara dan 211 penerima APC bagi tahun 2014 diraikan pada majlis berkaitan.

Daripada 132 kakitangan bersara, seramai 89 kakitangan bersara wajib,



ROSEMAN Zakaria.



SHARUDIN Abd. Rashid.

bersara pilihan (30), bersara atas faktor kesihatan (4) dan meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan (9).

Dalam pada itu, bagi pesara,



SEBAHAGIAN penerima APC menunjukkan sijil diterima masing-masing pada Majlis Penghargaan Pesara dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di sini baru-baru ini.

Sharudin Abd. Rashid, 60, tempoh perkhidmatan selama 20 tahun di MBPP adalah amat menyeronokkan.

“Walaupun berasal dari Negeri Sembilan, selepas bersara, saya merancang untuk terus menetap di Pulau Pinang bersama-sama keluarga.

“Malah, kini (selepas bersara), saya bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat keselamatan memandangkan saya masih ‘kuat’ dan mampu untuk

bekerja.

“Terima kasih kepada semua di MBPP, banyak kenangan suka duka di sini,” katanya yang sebelum ini berkhidmat di Bahagian Jabatan Korporat MBPP kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi penerima APC, Roseman Zakaria, 49, dari Jabatan Kesihatan Awam MBPP, beliau menyatakan bahawa prinsip membuat kerja lebih dari apa yang diminta pihak atasan

merupakan rahsia ‘kejayaannya’.

“Misalnya tepati masa, kalau kita diminta datang 9 pagi, kita cuba sampai awal supaya tidak menyusahkan pihak lain.

“Selain itu, kami (di jabatan) turut menanamkan sifat memberi perkhidmatan serta kepuasan kepada pelanggan yang datang berurusan,” jelas Roseman yang berjanji akan meneruskan kecemerlangan dalam perkhidmatan beliau.

Tambah ruang parkir didik penunggang motosikal

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menambah 239 petak parkir motosikal sekitar sini bagi mengelak tindakan meletakkan kenderaan berkaitan di merata-rata terutamanya laluan pejalan kaki.

Ahli Majlis MBPP, Dr. Tan Kim Hooi berkata, antaranya adalah sebanyak 43 petak parkir tambahan diwujudkan di Lebu Pantai, Lebu Cannon (16), Lebu Downing (27), Lebu Penang (41), Jalan Argyll (25), Jalan Kampung Malabar (16), Lebu Cinta (56) dan Lebu Penang (15).

“Projek ini hampir selesai dan kini MBPP sedang menjalankan kajian dan menunggu maklum balas orang ramai berhubung pelaksanaannya di kawasan Bayan Lepas dan Air Itam,” katanya ketika membuat tinjauan keadaan parkir di Jalan Penang di sini baru-baru



SISTEM meletakkan kenderaan di ruang parkir khas memberi keselesaan kepada semua pengguna jalan raya.

ini.

Selaras itu, Kim Hooi memberitahu, MBPP turut bercadang menaikkan jumlah saman kesalahan meletak kenderaan sebagai usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna jalan raya berkaitan.

“Kajian ini sedang dijalankan

membabitkan kawasan-kawasan kritikal (padat) sebagai usaha mendidik masyarakat supaya lebih berdisiplin ketika meletakkan kenderaan masing-masing,” ujar beliau.

Pada sidang media April lalu, Kim Hooi pernah menyatakan cadangan supaya menaikkan kadar kompaun dari



DR. Tam Kim Hooi (dua dari kanan) menunjukkan laluan pejalan kaki yang sering menjadi lokasi parkir motosikal.

RM60 hingga RM100 berbanding kadar semasa kini berjumlah RM30.

“Kiraan purata mencatatkan bahawa sebanyak 600 pelbagai kenderaan disaman setiap bulan dengan catatan tertinggi pada bulan Januari dan Februari (lalu) dengan masing-masing berjumlah 750 buah

dengan majoritinya adalah motosikal,” jelasnya.

Beliau memberitahu, berdasarkan Seksyen 46 (1), Akta Parit dan Bangunan, 1974, mana-mana kompaun yang dibayar dalam tempoh masa 14 hari layak menerima diskaun sebanyak RM15.

KN akan tindak isu roboh Pasar Perai – TKM II

Oleh :
**ZAINULFAQAR
YAACOB**

PERAI -

Sebahagian struktur Pasar Perai berusia 76 tahun serta mempunyai nilai warisan tersendiri telah dirobohkan oleh sebuah syarikat pemaju baru-baru ini, walaupun mendapat injuksi daripada Kerajaan Negeri serta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, pemaju sepatutnya tidak melakukan sedemikian, walaupun mereka berjaya mendapatkan perintah mahkamah untuk mengosongkan tanah tersebut pada bulan Jun tahun lepas, memandangkan ada perintah larangan kerja daripada pihak berkuasa tempatan



WAJAH sebahagian struktur Pasar Perai yang dirobohkan oleh kontraktor pemaju di sini baru-baru ini. (Sumber: Internet).

(PBT) sendiri.

“Saya telah mengarahkan majlis (PBT) untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat itu (kerana) Kerajaan Negeri mewartakan bangunan sekitar Pasar Perai, yang telah dikenal pasti sebagai sebuah bangunan yang mempunyai nilai warisan.

“Mereka (pemaju) mula kerja-kerja merobohkan bangunan semasa hujan lebat ketika tidak ada seorang pun di sekitar



PROF. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan ke Pasar Perai sebelum ia dirobohkan.

kawasan ini,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Dua Ahli Majlis bagi MPSP, M. Satees dan P. David Marshel turut menyertai sidang media itu.

Terdahulu, Ramasamy mendesak tidak sebarang perobohan ke atas bangunan yang mempunyai nilai warisan itu, sementara menunggu proses saman pemula daripada

tuan tanah, Wellwish Concept Sdn. Bhd. didengar di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 4 Julai tahun lepas.

Menurut Ramasamy, langkah injuksi yang dilakukan secara pentadbiran oleh Kerajaan Negeri dan MPSP sebenarnya adalah mendekati tuntutan Akta Warisan Kebangsaan, 2005, iaitu melarang bangunan berusia melebihi 100 tahun dari dirobohkan, untuk dipulihara sebagai warisan negara.

KALENDAR SUKAN MASSA 2015 (Mei - Julai)

<p>MEI</p> <p>2 Mei : Balik Pulau Explorer Masa : 5.00 petang - 8.00 malam Tempat : Kompleks Sukan Balik Pulau Penganjur : Cleaner & Greener Sports Telefon : 012-4200014 (Edric) Laman Web : penangevents.com.my</p> <p>3 Mei : Monster Climb Challenge 2015 Masa : 7.00 pagi Tempat : Kompleks Sukan Balik Pulau Penganjur : Cleaner & Greener Sports Telefon : 012-4200014 (Edric) Laman Web : penangevents.com.my</p> <p>17 Mei : Fun Ride - D'Sawah Edisi 2 Masa : 8.00 pagi Tempat : MPSP Bandar Perda, Seberang Perai Tengah Penganjur : Cross World Bike Riders Telefon : 012-5767700 (En. Md Shahar Bin Md Ibrahim) Email : crossworld@bikerider.com</p> <p>31 Mei : FMM Heritage Green Walk Masa : 7.00 pagi Tempat : Hadapan OCBC Bank, Lebuhraya Pantai Penganjur : Federation of Malaysia Manufacturers (FMM) & OCBC Bank Berhad Telefon : 012-4885538 Email : jimmy.ong@emico.com.my</p>	<p>JUN</p> <p>7 Jun : Komtar Tower Run Masa : 7.00 pagi Tempat : Komtar Penganjur : LA Vintage Events Telefon : 012-4401398 (Shaun Ng) Email : info@komtartowerrun.com.my</p> <p>13 Jun : All Night Fun Walk 2015 Masa : 6.00 petang Tempat : Taman Perbandaran Belia (Youth Park) Penganjur : Penang Adventurers Club Telefon : 012-5435612 (Wong Pang Kong) Email : wongpangkong@gmail.com</p> <p>14 Jun : Penang Bridge Half Marathon 2015 Masa : 4.30 pagi Tempat : Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Penganjur : Penang Tourism Telefon : 04-2619012 Email : hm@penangmarathon.gov.my</p>	<p>5 - 7 Jun : Penang Bike Week Masa : 8.00 pagi Tempat : Sun Way Hotel Seberang Jaya Penganjur : One Nation Motorsports Club Telefon : 019-2938006 (Suresh) Email : sureshvfr@yahoo.com</p> <p>JULAI</p> <p>4 Julai : Youngster 3 on 3 Streetball Challenge Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang Tempat : Auto City Prai Penganjur : Persatuan Youngster Telefon : 012-4108866 (Miss Oon) 012-5818390 (Mr. Lim) Email : oonps9@sportpro.com.my</p> <p>26 Julai : "Bone to Run 2015 Charity Fun Run" Masa : 7.00 pagi Tempat : Straits Quay Tanjung Tokong Penang Penganjur : Mount Miriam Cancer Hospital Penang Telefon : 04-8923873 / 012-4802235 (En. Keith Tan) Email : keith@mountmiriam.com</p>
---	--	--

Lima tong sampah diganti baru - ADUN

Gambar : **LAW SUUN TING**

DATUK KERAMAT - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini menyampaikan sumbangan bernilai RM500 masing-masing kepada lima keluarga yang mengalami kerugian akibat kejadian ribut pada 10 April lalu.

Menurut Jagdeep, bantuan tersebut adalah bagi membolehkan mangsa-mangsa berkaitan membaiki kerosakan rumah yang dialami.

“Sebelum ini, semua mangsa ribut ini telahpun menerima sumbangan bencana daripada Kerajaan Negeri dan ini (sumbangan) adalah sebagai tambahan bagi meringankan beban terutamanya untuk membaik pulih kerosakan yang dialami,” katanya ketika hadir menyampaikan

sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam kejadian 10 April lalu, beberapa buah rumah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Datuk Keramat di sini rosak dan terjejas akibat dipukul ribut.

Dalam perkembangan berasingan, Jagdeep turut menyerahkan sebuah tong sampah dengan isipadu 660 liter bagi menggantikan tong sampah yang rosak di Flat Taman Abidin, Jalan Perak di sini.

“Kita akan menggantikan empat tong (sampah) lain dalam tempoh terdekat bagi kemudahan penduduk di sini,” ujarinya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana menyediakan tong sampah dengan kadar segera.



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) berjabat tangan dengan wakil penduduk pada majlis penyerahan tong sampah di sini baru-baru ini.

Amal gotong-royong cegah aedes - ADUN

Gambar : **KOAY SHIAAN HUAH**

PAYA TERUBONG - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin menyeru orang ramai khususnya penduduk taman-taman perumahan untuk sama-sama mengamalkan gotong-royong dalam usaha mencegah pembiakan nyamuk aedes.

Soon Hin berkata demikian sejurus selepas menyertai program gotong-royong berdekatan kawasan perumahan Lebuh Rambai anjuran bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Paya Terubong, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Balai Bomba dan Penyelamat Paya Terubong dekat sini baru-baru.

Menurutnya, aktiviti gotong-royong bukan sahaja menyihatkan badan dan membersihkan kawasan sekitar, malah mencegah pelbagai jenis penyakit, antaranya demam denggi yang berpunca daripada nyamuk aedes.

“Perkara ini (demam denggi) agak membimbangkan



YEOH Soon Hin (kiri sekali) turut serta membersihkan kawasan kaki lima dalam program gotong-royong di sini baru-baru ini.

kerana Pulau Pinang turut mencatatkan peningkatan kes denggi dan kita perlu mengambil pendekatan mengadakan gotong-royong setiap bulan dalam usaha membendunginya.

“Oleh itu, semua pihak perlu peka terhadap persekitaran agar lebih terjaga dan bersih,” seru beliau.

Dalam pada itu, Soon Hin turut menasihati penduduk yang mengalami demam, sakit sendi dan hilang selera makan, ruam dan muntah-muntah supaya segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan atau hospital berdekatan.

“Jika persekitaran kita bebas aedes, bebas denggi, maka anak-anak kita akan membesar dengan sempurna dan sihat seperti yang dilaungkan oleh Ketua Menteri, Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat,” ujarinya.

Beliau dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada MBPP yang sentiasa menyokong serta menjayakan aktiviti gotong-royong yang dijalankan JKKK di kawasan Paya Terubong.

MENYEMBUR lumpur yang membahayakan pengguna jalan raya.



ADUN santuni warga emas, sumbang demi kebajikan



(Dari kiri), MARIE Jeanne, Wong Hon Wai dan Saaddudin Khalid menyantuni salah seorang penghuni Little Sister di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

AIR ITAM - Rumah jagaan dan rawatan orang-orang tua, *Little Sister of the Poor* (Little Sister) di sini menerima sumbangan berjumlah RM2,500 daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini.

Sumbangan tersebut disampaikan sendiri oleh Hon Wai kepada penjaga Little Sister, Marie Jeanne.

Hon Wai berkata, sumbangan yang diberikan itu diharap dapat digunakan dengan sebaik mungkin untuk kebajikan penghuni di sini.

“Saya harap sumbangan ini biarpun sedikit, ia mampu mengeratkan hubungan dengan penghuni di sini,” katanya kepada pemberita sejurus selepas penyampaian cek sumbangan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penghulu kawasan

Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam, Saaddudin Khalid.

Selain itu, Hon Wai turut menyantuni 67 penghuni Little Sister dan menyampaikan sumbangan Program Penghargaan Warga Emas kepada 55 warga emas kelahiran Pulau Pinang.

“Penyampaian sumbangan penghargaan kepada penghuni di sini diadakan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut.

“Penyerahan ini adalah untuk penerima Fasa 2 dan sehingga hari ini sejumlah 4,201 warga emas daripada 4,508 warga emas di Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam telah menerima sumbangan masing-masing, bakinya akan disampaikan pada Fasa 3 sekitar November,” ujar beliau.

Selain Little Sister, Hon Wai turut menyantuni penghuni di Rumah Orang-Orang Tua Silver Jubilee dan Rumah Orang Tua Uzur Pulau Pinang yang terletak dalam KADUN Air Itam.

ADUN pohon tangguh pemajuan projek bangunan tinggi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey memohon agar sebarang bentuk cadangan pemajuan projek bangunan tinggi di sepanjang Persiaran Gurney ditangguhkan sehingga masalah kesesakan dan banjir diselesaikan.

Soo Huey berkata, Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) perlu melaksanakan kajian terperinci bagi mengkaji semula permasalahan yang timbul di kawasan terbabit.

Hasil kajian tersebut pula, katanya, perlu digunakan bagi membentuk satu pelan induk pembangunan mampan supaya projek-projek yang ingin

dimajukan di kawasan berkaitan menggunakan secara optimum termasuk di kawasan cadangan 110 ekar tanah tebus guna di luar pesisir pantai.

“Kesesakan lalulintas, kekurangan tempat letak kereta dan banjir kilat semakin meruncing dan ia perlu diberi perhatian terutama mencari penyelesaian dan bukannya terus meluluskan projek-projek pemajuan bangunan tinggi.

“Saya juga telah menulis kepada pihak berkuasa dan MBPP untuk membantah kelulusan beberapa projek di kawasan berkepadatan tinggi, namun bantahan tersebut tidak diendahkan,” katanya dalam sidang media sejurus selepas sesi pendengaran di Lembaga Rayuan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, beberapa wakil

penduduk di kawasan terjejas.

Malah, jelas Soo Huey, JPBD mempunyai rancangan untuk menjadikan Persiaran Gurney sebagai CBD (*Central Business District*) memandangkan George Town kini adalah zon warisan.

“Walau apapun, kita perlu mempunyai satu pelan induk pembangunan yang terperinci bagi memastikan segala perancangan di kawasan ini adalah selamat dan selesa untuk dihuni.

“Kita perlu selesaikan isu-isu ‘tertunggak’ terutama isu kesesakan lalu lintas yang kian buruk lebih-lebih lagi ketika waktu puncak dan hujung minggu,” tegas beliau.

Persiaran Gurney merupakan salah satu lokasi pelancongan pesisir pantai yang popular bukan sahaja dalam kalangan pelancong dari luar negara, malah juga pelancong tempatan.



YAP Soo Huey (dua dari kanan) bersama-sama beberapa wakil penduduk meneliti dokumen yang dikemukakan di Lembaga Rayuan JPBD di sini baru-baru ini.

Pasang lampu isyarat & lebar jalan, demi kebajikan pengguna

Gambar : **LAW SUUN TING**

PAYA TERUBONG –

Pemaju projek kondominium 34 tingkat, Eco World Development Group Berhad (Eco World) bersetuju memasang lampu isyarat antara persimpangan Jalan Paya Terubong dan Tingkat Paya Terubong 4 di sini bagi mengurangkan kesesakan di kawasan terbabit.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, inisiatif tersebut adalah sebahagian dari syarat-syarat pemajuan kondominium termasuk kerja-kerja pembangunan sebuah pusat jualan sementara dua tingkat di sini.

“Pihak Majlis (Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) telah melakukan tinjauan di kawasan ini dan mengarahkan supaya pihak pemaju mengambil tindakan tersebut sebelum kerja-kerja pemajuan dapat dilaksanakan.

“Ini (pemasangan lampu isyarat) disegerakan kerana kita (Kerajaan Negeri dan MBPP) tidak mahu ada gangguan di laluan tersebut yang dijangka sibuk terutama ketika waktu-waktu puncak.

“Selain itu, pihak pemaju juga sudah memasang lampu jalan dan ‘blinkers’ (lampu berkelip) supaya laluan terbabit lebih selamat pada waktu malam dan saya harap pengguna jalan raya dapat bersabar serta mematuhi arahan papan tanda tambahan yang disediakan,” katanya pada satu sidang media sejurus selepas mengadakan lawatan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis MBPP, Syerleena Abdul Rashid dan Jurutera



YEOH Soon Hin (tiga dari kanan) bersama-sama Syerleena Abdul Rashid (dua dari kiri), Zainuddin Mohd. Shariff (kiri sekali) dan wakil-wakil pemaju menunjukkan tanda bagus sejurus mengadakan lawatan ke lokasi pemasangan lampu isyarat baharu di sini baru-baru ini.

Lalulintas dan Pengangkutan Awam MBPP, Zainuddin Mohd. Shariff.

Soon Hin memberitahu, jumlah kos pemasangan lampu isyarat berjumlah RM210,000 ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju.

Dalam pada itu, tambah beliau, pemaju juga diarahkan untuk melebarkan sebahagian Jalan Paya Terubong antara Tingkat Paya Terubong 1 dan Tingkat Paya Terubong 4 bagi mengurai kesesakan serta kemungkinan kemalangan di kawasan berkenaan.



LAMPU isyarat dan keadaan jalan yang dilebarkan.

Golongan ibu DUN Perai dirai

Gambar : **J. PATMAVATHY**

PERAI – Kasih ibu membawa ke syurga adalah antara ungkapan yang acapkali didengari tatkala melahirkan rasa kasih kepada insan bergelar ibu.

Walau apa sekalipun panggilan kepada insan istimewa ini, sama ada mama, emak, bonda, ibu, umi atau *mummy*, budi mereka dalam menjaga anak-anak serta keluarga amat tinggi nilainya. Tiada yang lebih berharga melainkan curahan kasih sayang ibu yang tidak bersempadan.

Atas dasar itulah, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Chai Leng, M. Turaisingam mengadakan Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Perai 2015 di Taman Emas di sini baru-baru ini.

“Tujuannya adalah untuk meraikan kaum ibu.

“Kita mahu menyemarakkan semangat harmoni dalam masyarakat setempat tanpa



MAIMUNAH Mohd. Shariff (depan, tiga dari kanan) dan P. Kasthuriraani (depan, tengah) menyempurnakan acara memotong kek sempena Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Perai 2015 di sini baru-baru ini.

mengira latar belakang kaum dan sememangnya aktiviti komuniti sebegini sering mendapat sambutan menggalakkan,” katanya ketika ditemui di sini.

Timbalan Ketua Menteri II yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy hadir menyempurnakan majlis tersebut.

Turut sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang

Perai (MPSP), Dato’ Maimunah Mohd. Shariff, P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan), M. Satees (Ahli Majlis MPSP) dan David Marshel (Ahli Majlis MPSP).


Seramai 250 individu hadir termasuk 160 ibu-ibu yang diraikan pada hari tersebut.

Pelbagai aktiviti diadakan antaranya senamrobik, pameran, kem kesihatan, pendaftaran pemeriksaan ‘pap smear’ dan mamogram serta cabutan bertuah.

PROF. Dr. P. Ramasamy (tiga dari kiri) sambil diiringi M. Turaisingam (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang ibu yang hadir.



Bakat Si Cilik - Mewarna 2.0



Sila isi butiran berikut:

Nama :

No. My Kid/ Kad Pengenalan:

Alamat:

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga:

No. Telefon : (Rumah)

(Bimbit) :

Emel:

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Mac 2015 hingga 31 Julai 2015.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

Hadiah:

Pertama: RM200

Kedua: RM150

Ketiga: RM100

20 Hadiah Saguhati